



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.37 | SUBUH 4.47 | SYURUK 6.05 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.06 | ASAR 3.24 | MAGHRIB 6.04 | ISYAK 7.14 | Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 127

23 OKTOBER 2023 / 1445 هـ

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

'Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahsburullahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Alameen.

- Tital Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Banci tahunan majikan, pekerja 2023 akan dilaksanakan

Siaran Akhbar : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Oktober. - Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) akan melaksanakan Banci Tahunan Majikan / Pekerja, Gaji, Pendapatan dan Jam Bekerja Bagi Tahun 2023, menggunakan kaedah dalam talian, melalui Brunei Reporting System (BRS) di laman sesawang www.business.mofe.gov.bn/SitePages/OBR.aspx.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh dalam siaran akhbarinya, memohon kerjasama semua Entiti Perniagaan, Institusi Swasta, Koperasi, Persatuan, Kelab dan Badan-Badan Berkanun di Sektor Swasta yang beroperasi di Negara Brunei Darussalam, sama ada yang mempunyai Lesen Pekerja Asing (LPA), ataupun yang hanya menggaji tenaga kerja yang terdiri daripada anak-anak tempatan (tiada pekerja asing), yang masih berkhidmat sehingga / pada 30 Oktober 2023, supaya akan dapat memberikan / melengkapkan maklumat-maklumat para pekerja (tempatan dan asing) termasuk majikan / pemilik / pengurus, di bawah tanggungan Entiti Perniagaan, Institusi Swasta, Koperasi, Persatuan, Kelab dan Badan-Badan Berkanun berkenaan ke dalam Borang Banci yang disediakan di laman sesawang www.business.mofe.gov.bn/SitePages/OBR.aspx.

>> Muka 8

MANISNYA IMAN

"WAHAI sekalian manusia, makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu."
(Al Baqarah, ayat 168).

HENTIKAN KEGANASAN, TEGAKKAN UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan titah pada Sidang Kemuncak ASEAN - Gulf Cooperation Council yang berlangsung di Ritz Carlton, Riyadh, Arab Saudi. - Foto : Hos Foto (Lihat muka 4).

Al-Quran wahyu teragung daripada Allah Subhanahu Wata'ala

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Oktober. - Surah Yaa Siin dimulakan dengan penegasan bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah benar-benar seorang rasul yang mendapat wahyu teragung daripada Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu Al-Quran.

Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bertanggungjawab untuk menyampaikan pengajaran dan peringatan kepada seluruh umat manusia. Kemudian Allah Subhanahu Wata'ala menceritakan keadaan orang-orang yang degil dan enggan beriman, dengan kesombongan dan kedegilan mereka itulah yang menghalang

mereka untuk tunduk mematuhi kebenaran dan mengikuti jalan yang benar.

Oleh itu, apa pun peringatan yang disampaikan kepada mereka, ia sedikit pun tidak memberi kesan di dalam hati mereka.

Demikianlah antara huraian inti sari dan pengajaran ayat daripada Tadabbur 'Surah Yaa Siin' yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Awang Mohammad Fikri bin Haji Sharbini, bagi menyemarakkan Malam Munajat Kali Ke-108.

>> Muka 5

Peningkatan jumlah AHP melalui kerjasama bersepadu

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Oktober. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menggariskan, sehingga tahun ini, terdapat 319 Profesional Kesihatan Bersekutu (Allied Health Professionals - AHP) dalam lingkungan tenaga kerja klinikal Kementerian Kesihatan di seluruh negara, iaitu peningkatan daripada 228 AHP berbanding tahun

2013.

Ini katanya, dapat dicapai melalui kerjasama antara Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, untuk menyelaraskan permintaan bagi tenaga kerja AHP yang berkemahiran tinggi dengan keperluan yang semakin meningkat dalam sektor penjagaan kesihatan.

>> Muka 6



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

f Pelita Brunei @ pelitabrunei pelitabrunei

Berita Utama



FAHAMU fungsi, peranan BDMD

Muka 7



MEMANTAPKAN pembangunan profesional dalam pengajaran

Muka 12



JAMBORI Nasional Ke-5,
2 - 7 Disember

Muka 18



JADIKAN pertukangan kayu palet
jana pendapatan sampingan

Muka 20



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berucap pada Majlis Sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2023, Sabtu 14 Rabiulawal 1445H / 30 September 2023 bertempat di Ruang Legar Blok 'B', Hospital Sri Seri Begawan, Kuala Belait.

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillahirabbil 'Alamin, Wassalatu Wassalamu 'Ala Ashrafil Anbiya-I-Wal Mursalin, Sayyidina Muhammaddin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'iin

Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga kita dapat bersama-sama

Penambahbaikan penjagaan kesihatan perlu, keselamatan pesakit satu keutamaan

hadir pada pagi ini di Sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2023. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, kaum keluarga, para sahabat, dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Keselamatan pesakit adalah sangat penting di dalam sesebuah sistem penjagaan kesihatan dalam memastikan penyampaian penjagaan yang berkualiti dan memberikan hasil yang terbaik kepada pesakit. Agensi Penyelidikan dan Kualiti Penjagaan Kesihatan (AHQR) mengistilahkannya sebagai satu disiplin dalam sektor penjagaan kesihatan yang menggunakan kaedah sains keselamatan ke arah matlamat untuk mencapai sistem penyampaian kesihatan yang boleh dipercaya.

Menurut data yang diperoleh daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia, 1 dalam sejuta orang mempunyai risiko kecederaan semasa menaiki pesawat. Statistik ini jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan risiko kecederaan pesakit di dalam hospital iaitu dilaporkan 1 dalam 300 pesakit cedera disebabkan oleh penjagaan yang tidak selamat di dalam hospital. Hal ini setentunya menjadi satu kebimbangan kesihatan awam global yang sangat serius.

Di seluruh dunia, faktor utama yang menjadi cabaran kepada keselamatan pesakit ialah masalah kekurangan tenaga manusia. Isu ini menyebabkan *burnout* di kalangan profesional kesihatan yang menyumbang kepada risiko keselamatan

pesakit. Namun demikian, dalam usaha untuk mendapatkan kakinan penjagaan kesihatan yang mencukupi, tumpuan juga harus diberikan kepada penambahbaikan sistem penjagaan kesihatan secara menyeluruh dengan mengenal pasti punca atau *root cause* bagi sesuatu kejadian yang melibatkan keselamatan pesakit itu berlaku.

Dalam meningkatkan kesedaran tentang keselamatan pesakit, Hari Keselamatan Pesakit Sedunia disambut setiap tahun pada 17 September. Pada tahun ini, tema sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2023 ialah 'Engaging patients for safety' with a slogan 'Elevate the Voice of Patient' - 'Penglibatan Pesakit untuk Keselamatan' dengan slogan 'Mengutamakan Suara Pesakit'. Tema dan slogan ini membawa mesej yang sangat jelas kepada setiap masyarakat mengenai kepentingan penglibatan pesakit, keluarga dan penjaga dalam meningkatkan keselamatan pesakit. Penglibatan pesakit dalam konteks ini adalah merujuk kepada penyertaan pesakit dalam rawatan mereka sendiri apabila pesakit melibatkan diri dalam rawatan mereka, mereka akan lebih memahami akan penyakit yang dihidapinya dan mampu untuk membuat keputusan lebih baik dalam penjagaan penyakit mereka. Usaha ini juga menyokong visi WHO Global Patient Safety Action Plan 2021-2030 iaitu menghapuskan bahaya (*zero harm*) kepada pesakit.

Di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan meletakkan

keselamatan pesakit sebagai satu keutamaan seperti mana Pelan Strategik Kementerian Kesihatan 2019 - 2023 di bawah Matlamat Strategik 1 iaitu : Memperkuatkannya keselamatan dan kualiti penjagaan pesakit. Matlamat ini menyatakan keperluan untuk menerapkan budaya keselamatan dan mengukuhkan kualiti sistem pengurusan di peringkat Kementerian. Selaras dengan matlamat ini juga, Kementerian Kesihatan telah pun memperkenalkan pelbagai inisiatif seperti Online Incident Reporting System, International Patient Safety Goals dan beberapa polisi untuk meningkatkan kualiti dan keselamatan pesakit. Pada awal tahun 2023 pula, Kementerian Kesihatan seterusnya memperkenalkan Serious Reportable Events (SRE) Policy yang mana ia itu satu keperluan mandatori untuk melaporkan sesuatu kejadian yang tidak sepatutnya berlaku mengambil kira akan ketersediaan langkah-langkah pencegahan di sesebuah perkhidmatan tersebut. Selain itu, Kementerian Kesihatan juga telah melancarkan Aplikasi MOHCares pada tahun ini sebagai salah satu platform tambahan yang boleh digunakan oleh pesakit untuk memberikan maklum balas dan memberikan cadangan penambahbaikan kepada perkhidmatan-perkhidmatan di Kementerian Kesihatan.

>> Muka 9

SIDANG PENGARANG 23 OKTOBER 2023

Kami bersamamu Palestin!

KETIKA ini, fokus dunia tertumpu pada serangan Israel yang telah mengorbankan beribu-ribu rakyat Palestin di Gaza tanpa mengira mangsanya orang tua, dewasa bahkan kanak-kanak hingga anak damit. Tindakan keji rejim Zionis yang berterusan membunuh, merampas tanah-tanah dan rumah kediaman milik rakyat Palestin, dan membina penempatan haram bagi penduduk Yahudi selain mengadakan sekatan ekonomi, perjalanan, makanan dan ubatan terhadap rakyat Palestin menjadi perbincangan dunia.

Berita yang sering dipaparkan dalam berita-berita antarabangsa dengan bumi Palestin dihujani bom-bom pihak Israel, bangunan yang hancur serta kanak-kanak yang terkorban dan terluka begitu meruntun hati para penonton. Kezaliman yang dilakukan dengan sewenang-wenangnya ini cukup mendapat liputan meluas dari media-media antarabangsa dan dunia mengutuk kekejaman yang dilakukan ini.

Alhamdulillah kita sebagai rakyat Brunei tidak camah mata dan sentiasa bersikap pemedulian terhadap saudara Islam kita dengan melakukan apa yang termampu untuk menyokong dan membantu mereka yang berada pada waktu yang sukar ini. Selain itu, keprihatinan kita dapat diterjemahkan melalui pelbagai pendekatan termasuk solat hajat dan doa serta sumbangan kewangan. Jika tidak mampu memberi dalam bentuk kewangan, marilah sama-sama kita doakan agar perperangan ini akan segera tamat dan penderitaan mereka berakhir.

Seperti negara luar juga yang bersimpati dengan penderitaan rakyat Palestin, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenangkan penubuhan 'Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023' dan seterusnya penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan bagi Tabung Kemanusiaan berkenaan.

Tabung ini bertujuan untuk bagi mengumpulkan derma berbentuk kewangan sahaja daripada semua rakyat dan penduduk di negara ini bagi membantu meringankan kesengsaraan dan beban penderitaan penduduk Palestin yang terjejas di Gaza berikut pertempuran yang berlarutan sejak 7 Oktober 2023.

Selain itu SMS Brunei Prihatin Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestine di Gaza 2023 akan berlangsung selama tiga bulan bermula 18 Oktober 2023 hingga 18 Januari 2024.

Orang ramai juga boleh menderma secara dalam talian melalui akaun Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), nombor akaun 00-001-01-0089051 (Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestine di Gaza 2023) atau melalui perkhidmatan BIBD QuickPay dengan mengimbas Kod QR yang boleh didapati di poster-poster dan pelekat-pelekat (sticker) tabung kemanusiaan berkenaan. Mereka juga boleh menghantar derma terus kepada Urus Setia Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestine di Gaza 2023 di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, bangunan KKBS, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada waktu pejabat.

Selain itu, peti-peti tabung juga disediakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat; bangunan bank-bank, gedung-gedung perniagaan dan bangunan-bangunan awam di seluruh negara.

Bersama-sama kita meringankan beban rakyat Palestine. Apa yang mereka hadapi ketika ini adalah satu ujian bagi mereka untuk mempertahankan bumi mereka daripada dirampas oleh Israel. - Ketua Penyuntingan (Ri)

WAKTU SEMBAHYANG											
OKTOBER MASIHI	HARI	RABIULAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	
23	ISNIN	8	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14	
24	SELASA	9	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14	
25	RABU	10	4.37	4.47	6.05	6.28	12.05	3.24	6.04	7.14	
26	KHAMIS	11	4.37	4.47	6.05	6.28	12.05	3.24	6.03	7.14	
27	JUMAAT	12	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14	
28	SABTU	13	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14	
29	AHAD	14	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.13	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan		
32 °C 25 °C	32 °C 25 °C	32 °C 25 °C
Pekan Bangar		
32 °C 24 °C	32 °C 24 °C	32 °C 24 °C
Pekan Tutong		
31 °C 24 °C	32 °C 24 °C	31 °C 24 °C
Kuala Belait		
31 °C 24 °C	32 °C 24 °C	31 °C 24 °C
Wallahu alam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi	www.met.gov.bn	

BERANGKAT BALIK TINGGALKAN RIYADH, ARAB SAUDI



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morschidi, Hamzah Mohidin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat meninggalkan Riyadh, Arab Saudi setelah menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Gulf Cooperation Council (kiri). Manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda menadah tangan semasa Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

RIYADH, ARAB SAUDI, Jumaat, 20 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat meninggalkan Riyadh, Arab Saudi setelah menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Gulf Cooperation Council (GCC), hari ini.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat meninggalkan Riyadh, Arab Saudi setelah menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Gulf Cooperation Council (GCC), hari ini.

Sebelum berangkat, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa King Khalid bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mohammed bin Abdullah Al-Buraithin.

Juga hadir ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kerajaan Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Haji Awang Yusoff bin Haji Awang Ismail.

Sidang Kemuncak ASEAN-GCC telah dipengerusikan

bersama oleh Arab Saudi dengan Republik Indonesia, selaku Pengurus ASEAN pada tahun ini.

Dalam Sidang Kemuncak ini, Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN dan GCC telah bersidang buat pertama kalinya dan membincangkan hala tuju masa hadapan kerjasama ASEAN-GCC serta isu-isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.

Pada penghujung Sidang Kemuncak, Ketua-ketua Negara / Kerajaan ASEAN dan GCC mengeluarkan Joint Statement of

the Summit of the Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) and the GCC and ASEAN-GCC Statement on the Developments in Gaza. Di samping itu, ASEAN-GCC Framework of Cooperation 2024-2028 telah diambil maklum.

Hubungan ASEAN-GCC telah ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1990 dan sejak itu, kerjasama di antara ASEAN dan GCC telah merangkumi pelbagai bidang seperti perdagangan, kerjasama dan pembangunan ekonomi serta kebudayaan, pendidikan dan penerangan.

Hubungan NBD - Kerajaan Arab Saudi terus diperkuuh

RIYADH, ARAB SAUDI, Jumaat, 20 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama His Royal Highness Prince Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al-Saud, the Crown Prince dan Perdana Menteri Arab Saudi, baru-baru ini.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat meninggalkan Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama His Royal Highness Prince Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al-Saud, the Crown Prince dan Perdana Menteri Arab Saudi, baru-baru ini.

Semasa Majlis Perjumpaan tersebut yang berlangsung di Ritz Carlton, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan His Royal Highness Prince Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al-Saud, the Crown Prince dan Perdana Menteri Arab Saudi membincangkan perkara-

perkara yang berkepentingan bersama untuk mengukuhkan hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Arab Saudi termasuk ekonomi, pelaburan dan perdagangan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berada di Arab Saudi bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Gulf Cooperation Council (GCC) yang telah diadakan buat pertama kalinya pada 20 Oktober 2023.

Sidang Kemuncak tersebut dipengerusikan bersama oleh Arab Saudi dengan Republik Indonesia, selaku Pengurus ASEAN pada tahun ini.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama His Royal Highness Prince Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al-Saud, the Crown Prince dan Perdana Menteri Arab Saudi.



HENTIKAN KEGANASAN, TEGAKKAN UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Ritz Carlton, Riyadh, Arab Saudi dialu-alukan oleh His Royal Highness Prince Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al-Saud, the Crown Prince dan Perdana Menteri Arab Saudi (kiri dan kanan).

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin,
Hos Foto

RIYADH, ARAB SAUDI, Jumaat, 20 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menzhirkan keibungan yang mendalam terhadap peningkatan keganasan di Palestin baru-baru ini, dan menggesa semua pihak untuk menghentikan keganasan, melaksanakan sekatan maksimum dan menegakkan undang-undang kemanusiaan antarabangsa untuk mengelakkan potensinya untuk merebak ke seluruh rantau Timur Tengah.

Baginda seterusnya menyeru masyarakat antarabangsa dan

Majlis Keselamatan PBB untuk memudah cara usaha ke arah mencapai keamanan yang menyeluruh, adil dan berkekalan di Timur Tengah, termasuk menamatkan penderitaan rakyat Palestin yang berpuluhan tahun lamanya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Sidang Kemuncak ASEAN - Gulf Cooperation Council (GCC) yang berlangsung di Ritz Carlton, Riyadh, Arab Saudi.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Sidang Kemuncak tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM di Ritz Carlton dialu-alukan oleh His Royal

Highness Prince Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al-Saud, the Crown Prince dan Perdana Menteri Arab Saudi.

Terdahulu, baginda bertitah mengetengahkan hubungan budaya dan sejarah yang telah lama terjalin antara ASEAN dan GCC, yang berfungsi sebagai asas kukuh untuk perkongsian erat antara kedua-dua wilayah.

Sebagai anggota masyarakat global yang bertanggungjawab, Kebawah DYMM menekankan kepentingan untuk bersama menangani cabaran-cabarannya seperti perubahan iklim dan berharap untuk bekerjasama, terutamanya melalui Pusat Perubahan Iklim ASEAN, untuk mencari strategi inovatif dan jangka panjang bagi rantau ini.

Dalam hal ini, Kebawah DYMM menghargai hasrat Kerajaan Arab Saudi untuk menandatangi Memorandum Persefahaman dengan Pusat Perubahan Iklim ASEAN; dan

mengucapkan tahniah kepada U.A.E atas peranannya sebagai pemimpin pada Persidangan Parti-parti UNFCCC Ke-28 yang akan datang dan dalam mengeluarkan laporan Global Stocktake yang pertama.

Sebelum Sidang Kemuncak ASEAN - GCC bermula, Kebawah DYMM telah menyertai Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN dan GCC yang lainnya bagi sesi bergambar ramai.

Sidang Kemuncak ASEAN - GCC dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada His Royal Highness Prince Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al-Saud, the Crown Prince dan Perdana Menteri Arab Saudi; dan Pengurus ASEAN pada tahun ini, Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Joko Widodo, selaku Pengurus Bersama.

Perbincangan dalam Sidang Kemuncak tersebut telah

tertumpu kepada hala tuju masa hadapan kerjasama ASEAN - GCC serta isu-isu serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama.

Pada penghujung Sidang Kemuncak, Ketua-ketua Negara / Kerajaan ASEAN dan GCC mengeluarkan Joint Statement of the Summit of the Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) and the GCC and ASEAN-GCC Statement on the Developments in Gaza.

Di samping itu, ASEAN-GCC Framework of Cooperation 2024-2028 telah diambil maklum.

Kebawah DYMM kemudiannya berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah hari bagi Sidang Kemuncak ASEAN - GCC.

Majlis Santap tersebut adalah bagi meraikan Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN dan GCC serta delegasi yang menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN - GCC.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Gulf Cooperation Council (GCC).

AL-QURAN WAHYU TERAGUNG DARIPADA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA

■ Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Acara Munajat pada malam berkenaan mengundang tetamu khas, Pengasas Al-Huffaz Management, Awang Haji Mohd Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan, yang juga turut memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dari Masjid Setia Ali, Pekan Muara.

Mengimarahkan lagi acara berkenaan ialah tenaga pengajar Al-Huffaz Management; para belia; Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) dan para jemaah serta belia Masjid Setia Ali, Pekan Muara serta masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat sebanyak 86 buah di seluruh negara.

Juga meramai-ramaikan, warga kerja Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan serta institusi pendidikan di bawahnya bersama keluarga daripada kediaman masing-masing.

Sejurus selesai bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Tenaga Pengajar Al-Huffaz Management, Awang Abdul Hamid bin Othman, dari Masjid Setia Ali, Pekan Muara.

Ini diikuti dengan bacaan Doa Munajat oleh Pengetua ITQSHHB,

Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit, dari Masjid Setia Ali, Pekan Muara.

Sejurus selesai Tadabbur, bacaan Asmaul Husna dipimpin oleh AJKT dan jemaah Masjid Setia Ali, Pekan Muara.

Bagi memberkati acara Munajat, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Setia Ali, Pekan Muara, Awang Nasehin bin Haji Yahya.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit berbahaya.

Orang ramai adalah sangat dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu> atau <https://www.facebook.com/pdi.kheu>.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama antara yang hadir pada Malam Munajat Ke-108.

Festival Kebudayaan Jepun 2023 buka tirai



SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa merasmikan Festival Kebudayaan Jepun 2023 bersama Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam (atas dan kanan)

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Sabtu, 21 Oktober. - Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Festival Kebudayaan Jepun 2023 bermula hari ini dan 22 Oktober 2023 di Times Square Shopping Centre, Berakas, di sini.

Dalam ucapan alu-aluan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Maeda Toru menjelaskan bahawa 'Nihongo Partners', iaitu sekumpulan dari Jepun di mana mereka akan melawat NBD selama 10 hari sekali gus juga akan mempersembahkan Tarian Tradisional Jepun.

Festival berkenaan dirasmikan

bersama oleh TYT Maeda Toru dan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Acara dua hari itu terbuka kepada orang ramai secara percuma untuk memperkenalkan budaya dan gaya hidup tradisional dan kontemporari negara Jepun serta mempromosikan bahasa Jepun, melalui persembahan pentas dan gerai pameran.

Persembahan dan Demonstrasi Memasak Makanan Jepun juga diadakan dan disampaikan Cef Shimizu Fumihiro yang merupakan Cef Kedutaan Jepun, Tarian

Tradisional Nihongo Partners, Pertandingan Manga, Tarian J-pop dan Bengkel Artis Manga tempatan.

Petak-petak pameran akan memperkenalkan semua jenis permainan dan makanan, pelajaran kaligrafi tradisional Jepun dan taklimat untuk Program Pertukaran Belia Jepun.

Terdapat juga penampilan istimewa daripada HIBIKIYA Singapore, sebuah kumpulan seni persembahan yang turut membuat persembahan pada majlis perasmian festival tersebut.

Persembahan yang disampaikan menampilkan alat muzik Jepun termasuk Wadaiko, Shamisen dan Seruling, suasana perayaan Jepun untuk dinikmati oleh masyarakat tempatan.



HIBIKIYA Singapore semasa membuat persembahan istimewa pada majlis perasmian festival tersebut.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Oktober. - Dengan kemajuan sains teknologi dan inovasi terkini



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menyampaikan ucapan pada Simposium Profesional Kesihatan Bersekutu.

KOMITED MENYOKONG USAHA AHP

dalam dunia perubatan serta penjagaan kesihatan, orang ramai dijangka dapat hidup lebih lama, dan akibatnya, bilangan warga emas di seluruh dunia akan meningkat tahun demi tahun.

Dalam laporan sosial sedunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2023, WHO meramalkan bahawa penduduk warga emas berusia 65 tahun atau ke atas akan meningkat daripada 761 juta pada 2021 kepada lebih dua kali ganda, kepada kira-kira 1.6 bilion pada 2050.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku tetamu kehormat menekankan demikian dalam ucaptamanya pada Simposium Profesional Kesihatan Bersekutu yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Dalam hal ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) tegasnya, tidak terkecuali daripada trend penuaan global ini, di mana pada 2001, peratusan penduduk berusia 65 tahun ke atas meningkat daripada 2.8 peratus, dan peratusan ini meningkat kepada 3.5 peratus pada tahun 2011 dan terus meningkat dengan pesat kepada 6.3 peratus pada tahun 2021.

"Seperti yang kita sedia maklum, penuaan, datang dengan perubahan fisiologi yang dilihat pada tubuh. Perubahan ini kemudian memberi kesan ke atas keupayaan mental dan fizikal warga emas, dan akhirnya akan membawa kepada pengurangan keseluruhan, dalam keupayaan fungsi mereka.

"Misalnya, seorang pesakit warga emas mengalami komplikasi klinikal kronik dengan isu kesihatan

lebih rumit, terdapat kemungkinan lebih besar penglibatan beberapa Profesional Kesihatan Bersekutu (Allied Health Professionals - AHP) dalam menguruskan kes tersebut. AHP diagnostik yang terdiri daripada juru X-Ray, Pegawai Optometri, Pakar Orthoptist dan Audiologis menjalankan ujian diagnostik dan menjalankan siasatan klinikal," ujar Yang Berhormat.

Terangnya, AHP pemulihan yang terdiri daripada ahli fisioterapi, jurupulih cara kerja, ahli terapi pertuturan dan bahasa serta guru kurang pendengaran akan mengoptimalkan lagi fungsi dan kebebasan individu. AHP intervensi dan kaunseling terdiri daripada pakar podiatri, ahli psikologi, pekerja sosial perubatan, pakar diet dan paramedik yang berperanan untuk memberi khidmat nasihat klinikal dalam menangani isu-isu perubatan, psikologi, sosial dan sosioekonomi yang memberi kesan kepada kesihatan dan kesejahteraan warga emas.

Justeru itu, Kementerian Kesihatan tegasnya lagi, komited dalam menyokong usaha

AHP untuk menjadi tenaga kerja yang mempunyai penghususan yang tinggi melalui latihan klinikal. Sejak 2013, terdapat 26 AHP yang dianugerahkan dengan latihan lepasan ijazah dalam perkhidmatan untuk bidang masing-masing.

Untuk terus memupuk budaya peningkatan berterusan dan pertukaran pengetahuan, jawatankuasa latihan dan pembangunan AHP menurutnya, kekal aktif dalam memudahkan penglibatan pakar-pakar antarabangsa untuk memperkayakan tenaga kerja AHP Kementerian Kesihatan.

"Baru-baru ini, kami diberi keistimewaan untuk menganjurkan bengkel terapi tingkah laku kognitif yang dijalankan oleh CBT Australia, satu contoh komitmen berterusan kami untuk menyediakan para AHP dengan alat-alat dan kemahiran yang diperlukan untuk cemerlang dalam peranan mereka.

Pendekatan kerjasama dan

inisiatif latihan yang berterusan ini, menekankan tekad kementerian untuk memperkasakan para AHP untuk menawarkan penjagaan dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi kepada rakyat yang kami berkhidmat," tambahnya.

Kementerian Kesihatan dengan ini menyampaikan pengiktirafan ikhlas dan penghargaan yang mendalam atas peranan penting yang digalas oleh AHP dalam sistem penjagaan kesihatan. Oleh itu, skim perkhidmatan AHP jelasnya, telah diberi keutamaan dan ia termasuk dalam salah satu projek inisiatif strategik kementerian.

Yang Berhormat menyatakan, skim ini dicadangkan dan dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kesihatan terlibat secara aktif dalam perbincangan dua hala dengan pihak berkepentingan utama dan adalah menjadi harapan kami agar skim ini membawa hasil, dengan itu meningkatkan pengoptimuman tenaga kerja, memudahkan kemajuan kerjaya, dan memberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada para profesional yang berdedikasi ini.

Bahkan, pengiktirafan seperti ini katanya lagi, berfungsi sebagai elemen kritikal dalam memupuk pengekalan dan merangsang permintaan untuk generasi belia untuk mempertimbangkan mengejar profesion kesihatan bersekutu sebagai kerjaya mereka.

"Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, izinkan saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada jawatankuasa Simposium Profesional Kesihatan Bersekutu 2023 atas usaha hebat mereka dalam menganjurkan simposium yang menarik dan bermaklumat hari ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih secara peribadi kepada semua AHP, mengiktiraf dan memuji sumbangan penting mereka dan sokongan tidak berbelah bahagi kepada sistem penjagaan kesihatan dalam meningkatkan kehidupan ramai pesakit sepanjang hayat setiap hari," ucap Yang Berhormat.

Peningkatan jumlah AHP melalui kerjasama bersepadu

Oleh : Nooratini Haji Abas

>> Muka 1

Yang Berhormat Menteri Kesihatan selaku tetamu kehormat dalam ucaptamanya menyatakan, AHP adalah kumpulan individu yang berkelayakan tinggi dan terlatih daripada pelbagai kepakaran yang memainkan peranan penting, dalam bekerja bersama-sama doktor, jururawat dan profesional penjagaan kesihatan yang lain.

"Mereka bekerjasama dalam pasukan berbilang disiplin (MDT) ke arah menyediakan penjagaan kesihatan yang menyeluruh, dengan mempertimbangkan keperluan fizikal, mental, emosi dan sosial pesakit serta menyediakan pelbagai perkhidmatan klinikal termasuk diagnostik, intervensi dan pemulihan," tambahnya pada Simposium Profesional Kesihatan Bersekutu yang berlangsung di

Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Sepanjang dekad yang lalu, AHP jelasnya, menjalani beberapa perubahan dan pencapaian dalam Pembangunan Profesional mereka.

Majlis AHP Negara Brunei Darussalam (NBD) katanya, dikuatkuasakan pada 1 Julai 2017, untuk memastikan keselamatan pesakit melalui tadbir urus dan peraturan profesi.

Dokumen standard amalan AHP yang disahkan pada tahun 2020 ujarnya, memuji Kod Tatalaku dan etika AHP untuk menetapkan piawaian supaya AHP diwajibkan untuk bertindak secara profesional dan beretika, di samping memastikan orang ramai diberikan penjagaan kesihatan yang berkualiti.

Menurut Yang Berhormat, AHP disambut secara global pada 14 Oktober setiap tahun, dengan objektif utama untuk

meningkatkan kesedaran orang ramai dan menonjolkan kesan yang luar biasa AHP terhadap penyampaian penjagaan kesihatan di seluruh dunia.

Tahun ini, NBD ujarnya, menyertai dan menyokong sambutan tersebut dengan menganjurkan Simposium Profesional Kesihatan Bersekutu dengan tema 'Healthy Ageing' yang dipilih, bersempena dengan Hari Antarabangsa Warga Emas yang disambut 1 Oktober setiap tahun.

"Tema ini memberi gambaran yang luas dan memaparkan peranan yang berbeza dan sumbangsih yang signifikan oleh AHP, dari segi penglibatan mereka dalam menyediakan pelbagai perkhidmatan penjagaan kesihatan, melalui pendekatan MDT dan akan digambarkan dengan baik dalam pengurusan pesakit warga emas," terangnya lagi.

pengamal kesihatan, pekerja penjagaan kesihatan dan pakar profesional bekerjasama dan meneroka aspek penting dalam meningkatkan kesejahteraan dalam kalangan warga berkenaan.

Simposium setengah hari itu dihadiri oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku tetamu kehormat.

Simposium diisikan dengan pameran, pembentangan ceramah yang diketuai oleh perunding geriatrik yang terkenal dan pakar dari pelbagai disiplin Kesihatan Bersekutu, dan disertakan dengan kesimpulan dan forum perbincangan.

Mereka bersama-sama mengumpulkan kepakaran dalam manjangan cabaran kesihatan yang dihadapi oleh warga emas.

Kira-kira 360 profesional kesihatan dari sektor kerajaan dan swasta menghadiri simposium tersebut bagi mendengarkan pembentangan yang berasas dan perbincangan para panel merangkumi maklumat terkini dalam penjagaan geriatrik, pemulihan, pemakanan dan sokongan kesihatan mental.

Di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan kini mempunyai tenaga kerja klinikal

sebanyak 319 Pakar Kesihatan Bersekutu, yang bekerjasama dalam pelbagai pasukan disiplin untuk meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan pesakit.

Mereka turut memainkan peranan penting, bekerjasama dengan doktor, jururawat dan profesional penjagaan kesihatan yang lain.

Ini adalah bagi memastikan penjagaan menyeluruh dengan mempertimbangkan fizikal, mental, emosi, dan keperluan sosial, di samping membangunkan strategi yang merangkumi semua aspek kehidupan seseorang.

Acara tersebut adalah selaras dengan visi dan misi Kementerian

Kesihatan dalam menjaga kesihatan dan menyokong penuaan yang sihat dalam komuniti kita.

Dengan gabungan kepakaran Pakar Kesihatan Bersekutu dan pakar penjagaan kesihatan lain, tujuannya adalah untuk menjalin masa depan yang lebih cerah dan sihat untuk semua.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Ang Swee Hui; ketua-ketua jabatan, bersama pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.



ANTARA pembentang pada simposium berkenaan (kiri dan kanan).

Penjagaan berkualiti tinggi bagi semua peringkat umur



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Simposium Profesional Kesihatan Bersekutu.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Oktober. - Hari Pakar Kesihatan Bersekutu disambut pada bulan Oktober di seluruh dunia.

Sehubungan itu, sempena memperingati sambutan berkenaan, Kementerian Kesihatan telah menganjurkan Simposium Profesional Kesihatan Bersekutu bertempat di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Dengan temanya 'Penuaan

Sihat' (Healthy Ageing), simposium tersebut menyediakan peluang berharga untuk semua Pakar Kesihatan Bersekutu dalam bersatu dan mengemukakan perkara penting untuk menyampaikan penjagaan berkualiti tinggi kepada pesakit bagi semua peringkat umur dengan memberi tumpuan khas kepada warga emas.

Ia juga bertujuan untuk mengumpulkan perunding,

FAHAM FUNGSI, PERANAN BDMD



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi bergambar ramai bersama rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa lawatan ke Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (atas). Sementara gambar kanan, rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN semasa menyaksikan peralatan pencerapan cuaca di salah satu tapak National Automatic Weather Stations (NAWS) di Ibu Pejabat BDMD, Anggerek Desa.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Oktober. - Seramai 15 orang Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hari ini mengadakan lawatan ke Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Tujuan lawatan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN adalah untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi akan fungsi dan peranan BDMD dalam menyediakan

khidmat dan maklumat cuaca serta melihat secara lebih dekat lagi sistem-sistem kaji cuaca yang terdapat di jabatan berkenaan, sebagai persediaan bagi MMN yang akan datang.

Program lawatan dimulakan di Ibu Pejabat BDMD di Kampung Anggerek Desa, di mana rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN telah diberikan taklimat ringkas pengenalan jabatan yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah

Kajicuaca, Dayang Rokiah binti Haji Angas.

Selaras itu, rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN juga telah dibawa melihat peralatan pencerapan cuaca ke salah satu tapak National Automatic Weather Stations (NAWS) iaitu di Ibu Pejabat BDMD, Anggerek Desa.

Rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN seterusnya melawat ke Pusat Ramalan Cuaca dan Meteorological Garden bertempat di Lapangan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



Terbang Antarabangsa Brunei bagi melihat proses dan kemudahan serta sistem-sistem yang berkaitan dalam pencerapan dan penyediaan ramalan, nasihat dan amaran cuaca yang diberikan kepada pengguna-pengguna seperti agensi kerajaan, swasta dan orang ramai.

Selain itu, rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN turut melihat secara langsung bagaimana data dan maklumat cuaca dianalisa oleh ahli meteorologi yang bertugas dalam penyediaan ramalan cuaca.

Lawatan berakhir di bangunan Doppler Weather Surveillance Radar (DWSR) yang baru dilancarkan pada April 2023 lepas, di mana rombongan berpeluang melihat secara dekat sistem DWSR yang digunakan oleh BDMD dalam memantau kejadian, pergerakan dan evolusi sistem setempat.

Turut hadir semasa lawatan terakhir tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.



HADIR menyaksikan penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara Kumpulan Infaq Ikhlas dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Menunggol ialah Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Menandatangani bagi MoU berkenaan, Lettenan Kolonel (U) Amierul Halpi bin Talip mewakili Kumpulan Infaq Ikhlas manakala Ketua Kampung Menunggol, Awang Haji Ibrahim bin Haji Osman, bagi wakil MPK Menunggol.

Kampung Menunggol destinasi tarikan pelancong

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Alisahrin Haji Momin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Oktober. - Projek Jangkauan Masyarakat 'Peningkatan Aktiviti Berkaitan Ekonomi dan Pelancongan di Kampung Menunggol' yang dilaksanakan oleh Kumpulan Infaq Ikhlas, peserta Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Kali Ke-30 terus diperkuuh menerusi penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kumpulan Infaq Ikhlas dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Menunggol, pada hari ini.

MoU yang dimeterai berkenaan

bermatlamat untuk memastikan kelestarian Projek Jangkauan Masyarakat Kampung Menunggol mencapai tujuan seperti yang dihasratkan oleh kedua-dua belah pihak.

Menandatangi bagi MoU berkenaan, Lettenan Kolonel (U) Amierul Halpi bin Talip bagi mewakili Kumpulan Infaq Ikhlas manakala Ketua Kampung Menunggol, Awang Haji Ibrahim bin Haji Osman, bagi wakil MPK Menunggol.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin

Haji Lamat, yang juga turut menyaksikan penandatanganan MoU berkenaan yang berlangsung di Taman Riadah Bukit Batu Bujang Pahang, hari ini.

Majlis juga turut menyaksikan tetamu kehormat menyampaikan sijil-sijil penghargaan kepada agensi kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), syarikat swasta dan para penaja yang terlibat bagi memberikan sokongan dalam menjayakan aktiviti-aktiviti Projek Jangkauan Masyarakat yang dikendalikan oleh Kumpulan Infaq Ikhlas.

>> Muka 12

Projek Jangkauan Masyarakat : Platform mengembangmajukan aktiviti pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Oktober. - Sektor pelancongan merupakan salah satu hasil sumber pendapatan negara seperti yang digarisikan dalam salah satu matlamat strategi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, iaitu 'Meningkatkan pertumbuhan jumlah ketibaan pelancong dan pertumbuhan perkhidmatan yang berkaitan dengan pelancongan di Negara Brunei Darussalam supaya dapat menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)'.

Ke arah itu, Kampung Menunggol dipilih oleh Kumpulan Infaq Ikhlas sebagai destinasi bagi melaksanakan Projek Jangkauan Masyarakat berdasarkan kepada keunikan yang terdapat di kampung berkenaan.

Ketua Kumpulan Infaq Ikhlas, Lettenan Kolonel (U) Amierul Halpi bin Talip menjelaskan perkara demikian semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada Majlis Serah Terima Projek Jangkauan Masyarakat dan Penyampaian

sijil-sijil Penghargaan yang berlangsung di Taman Riadah Bukit Batu Bujang Pahang Kampung Menunggol, di sini.

Menurut Lettenan Kolonel (U) Amierul Halpi lagi, objektif utama projek kumpulan berkenaan adalah untuk membuka peluang ekonomi penduduk kampung dengan mengembangmajukan aktiviti pelancongan Kampung Menunggol agar dapat menarik minat pengunjung.

"Inisiatif ini dihasratkan akan dapat menjana spin-off bagi aktiviti perekonomian seperti pasar tani, aktiviti sosial seperti camping / glamping, aktiviti kesihatan seperti Trial Run Tournament dan juga aktiviti kajian dan penyelidikan dan sebagainya."

"Aktiviti-aktiviti sedemikian setentunya secara tidak langsung akan dapat meningkatkan kualiti dan gaya hidup masyarakat setempat," katanya.

Kampung Menunggol jelasnya, memiliki banyak tempat bersejarah dan menarik yang boleh diketengahkan sebagai tempat

tarikan pelancong seperti yang terdapat di Taman Riadah Bukit Batu Bujang Pahang, iaitu Air Pancur; Lombong Arang Batu; Gua Kelawar; Batu Berpangkat; Telaga Puteri; dan Wasai Mailu.

Kampung ini juga katanya, masih memelihara alam semula jadinya yang amat sesuai dijadikan sebagai tempat kajian dan penyelidikan khususnya dalam bidang biodiversiti hutan flora dan fauna.


Lettenan Kolonel (U) Amierul Halpi seterusnya menjelaskan, Kampung Menunggol juga mempunyai produk-produk tersendiri, hasil daripada penduduknya yang berpotensi untuk dipasarkan secara domestik, yang secara tidak langsung akan dapat meningkatkan aktiviti keusahawanan dan perekonomian di kampung berkenaan.

"Meskipun lokasi Kampung Menunggol terletak dalam lingkungan kawasan bandar, ia masih lagi mengekalkan tradisi keunikan gaya hidup kampung

seperti berkebun, bercucuk tanam, menternak dan menangkap ikan, yang dilihat mampu menarik minat para pelancong untuk berkunjung ke kampung ini.

"Sepanjang lebih kurang dua minggu Kumpulan Infaq Ikhlas mengendalikan Projek Jangkauan Masyarakat di Kampung Menunggol ini, alhamdulillah kumpulan ini telah dapat melaksanakan beberapa inisiatif yang telah dan sedang berjalan seperti membaik pulih Jeti Berambang Menunggol yang menjadi pintu masuk utama ke Kampung Menunggol, membaik pulih prasarana yang sedia ada di Taman Rekreasi Bukit Batu Bujang Pahang dan memasang papan-papan tanda arah bersama lampu solar dan kod QR untuk daftar masuk di laluan trek Taman Riadah Bukit Batu Bujang Pahang," katanya lagi.

Walau bagaimanapun terangnya, disebabkan oleh faktor masa, masih terdapat beberapa inisiatif yang dirancang masih belum dan akan dilaksanakan



KETUA Kumpulan Infaq Ikhlas, Lettenan Kolonel (U) Amierul Halpi bin Talip semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.

seperti membina tapak pondok gerai jualan, dan membina pondok pembuangan sampah tertutup.

"Sehubungan dengan itu, Kumpulan Infaq Ikhlas berharap Majlis Perundingan Kampung Menunggol akan dapat meneruskan inisiatif-inisiatif yang belum tercapai mengikut pelan rancangan yang telah dibincangkan bersama," ujarnya lagi.

PESERTA TERBAIK PROGRAM MASTER MECHANICS TERIMA ANUGERAH



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM semasa menyampaikan sijil kepada penerima pada Master Mechanics Award Night 2023 yang berlangsung di Hotel Mulia.

BERAKAS, Sabtu, 21 Oktober. - Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sendirian Berhad (BSM) mengumumkan tiga peserta finalis terbaik Program Master Mechanics masing-masing bagi Kategori Pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan General Mechanics pada Master Mechanics Award Night 2023 yang berlangsung di Hotel

Mulia, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis itu ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif / Pengarah Pendidikan Teknik di IBTE, Dr. Haji Mohd Zamri bin Haji Sabli.

Dengan selesainya pembangunan kemahiran teknikal di bawah Fasa 1 program Master Mechanics, para mekanik yang berpotensi tinggi telah dikenal pasti melalui penilaian kuiz dalam talian, temu bual dan cabaran mini praktikal.

Dalam ucapan perasmianya, Pengarah Urusan BSM, Muhammad Norshafiee bin Dato Paduka Haji Abdul Jalil berkata, para mekanik berkenaan akan terus dibangunkan di Fasa 2 pada tahun hadapan dan akan diberi latihan mengenai keusahawan yang melibatkan sistem komputer kompleks, elektronik yang rumit dan perisian; selain perkhidmatan pelanggan yang cemerlang.

Beliau menambah, peringkat pembinaan keupayaan seterusnya juga akan meningkatkan kejayaan dan pertumbuhan mereka sebagai seorang mekanik.

Pengarah Urusan BSM kemudian menyampaikan token penghargaan kepada IBTE Kampus Mekanikal, NBT Sendirian Berhad dan komuniti yang menyokong inisiatif tersebut.

Majlis diteruskan dengan penyampaian anugerah kepada tiga peserta terbaik dari setiap kategori iaitu General Mechanics

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

dan Pelajar IBTE oleh tetamu kehormat.

Bagi Kategori General Mechanics, para penerima terdiri daripada Md. Shairul Azmi bin Abdullah, Denson Alvarez Panopio dan Mark Gerald Alvarez.

Manakala, Muhammad Hadif H. Hamizan bin Saini, Abdul Faeez bin Rosdi dan Tajul Ariffien bin Alfian menerima anugerah bagi Kategori Pelajar IBTE.

Pemenang dari setiap kategori akan diumumkan pada Chairman's Award yang akan diadakan pada November 2023 dan akan menerima gelaran 'Master Mechanics of Brunei Darussalam'.

Hadiyah bagi pemenang termasuk perjalanan ke MotoGP di Sepang, Kuala Lumpur yang dibayari sepenuhnya, dan hadiah wang tunai BND3,000.

Terdahulu, tetamu kehormat melancarkan Program 'Mechanics Loyalty', sebagai tanda penghargaan kepada mekanik-mekanik

berdedikasi di negara ini.

Menekankan kepentingan pelincir tulen, program tersebut memberi ganjaran kepada para mekanik yang berdaftar dengan BSM dan menggunakan pelincir Shell bagi perkhidmatan penukaran minyak.

Program Master Mechanics telah dilancarkan pada Julai 2023 untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mekanik kereta di Negara Brunei Darussalam.

Peserta program diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam pembangunan kapasiti yang merangkumi penambahbaikan kemahiran teknikal dan perniagaan; serta peluang untuk mengambil bahagian dalam program sokongan perniagaan yang ditawarkan oleh BSM kepada rakan niaganya.

Secara keseluruhan, program ini telah mendaftarkan lebih 500 peserta yang terdiri daripada pelajar IBTE dan mekanik am di negara ini.

Banci tahunan majikan, pekerja 2023 akan dilaksanakan

Siaran Akhbar : Jabatan Buruh

>> Muka 1

Walau bagaimanapun, Perkhidmatan Rumahtangga / Persendirian adalah dikecualikan dari melengkapkan maklumat banci berkenaan.

Maklumat Banci berkenaan bolehlah dilengkapkan melalui kaedah dalam talian di laman sesawang www.business.mofe.gov.bn/SitePages/OBR.aspx dengan menggunakan nama pendaftaran [username] majikan / pemilik / pengurus yang diperoleh melalui pendaftaran e-Darussalam.

Tatacara melengkapkan maklumat Banci juga boleh dimuat turun dari laman sesawang www.business.mofe.gov.bn/SitePages/OBR.aspx atau www.labour.gov.bn.

Maklumat Banci yang telah dilengkapannya akan dapat diterima melalui kaedah dalam talian di laman sesawang www.business.mofe.gov.bn/SitePages/OBR.aspx mulai 31 Oktober 2023 dan tarikh akhir penerimaan maklumat Banci ialah pada 30 November 2023.

Pihak majikan / pemilik / pengurus adalah disarankan dan dipohonkan untuk sebolehnya dapat melengkapkan maklumat banci Entiti Perniagaan, Institusi Swasta, Koperasi, Persatuan, Kelab dan Badan-badan Berkutan sendiri.

Ini adalah bagi mengelakkan penyalahgunaan maklumat sulit banci oleh pihak ketiga yang telah diamanahkan untuk melengkapkan maklumat banci mereka.

Resit Penyata Banci Majikan/Pekerja 2022 yang telah dikeluarkan bagi Banci Tahunan Majikan / Pekerja 2022 adalah dimansuhkan dan tidak dapat digunakan lagi mulai 31 Oktober 2023.

Banci Tahunan Majikan/Pekerja, Kadar Gaji Pendapatan dan Jam-jam Bekerja adalah mengikut Peruntukan Akta Maklumat Pekerjaan 1974, Penggal 99 di bawah Seksyen 3(1). Menurut Seksyen 8(1) dalam Akta berkenaan, mana-mana majikan yang sengaja menolak atau mengabaikan untuk memberikan butir-butir atau maklumat yang diperlukan dalam masa yang dibenarkan, atau dengan sengaja memberi atau butir-butir atau maklumat palsu; atau enggan menjawab, atau dengan sengaja memberikan jawapan palsu dalam soalan yang perlu untuk mendapatkan apa-apa maklumat atau butir-butir yang dikehendaki di bawah Akta ini, adalah melakukan satu kesalahan dan boleh didenda sebanyak BND2,500 dan penjara enam bulan, dan jika berterusan denda sebanyak BND50 sehari akan dikenakan.

Untuk mendapatkan penerangan lanjut, sila rujuk ke Kaunter Perkhidmatan Kajian dan Perangkaan, Ruang Legar Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Buruh, Jalan Dewan Majlis Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai juga boleh terus menghubungi talian +673 2383006 / +673 2380256 sambungan 1104 / 4503 / 4504, atau e-mel banci.buruh@buruh.gov.bn, atau laman sesawang <http://www.labour.gov.bn>.

Kaunter perkhidmatan beroperasi pada hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu (tidak termasuk Cuti Awam) bermula 8.00 pagi hingga 11.30 pagi, dan 1.45 petang hingga 3.30 petang.

Platform pembinaan keupayaan, kembangkan rangkaian

Siaran Akhbar dan Foto : Darussalam Enterprise



SESI bergambar ramai bersama Menteri Tenaga Manusia dan Menteri Kedua bagi Perdagangan dan Industri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tan See Leng.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Oktober. - Program Next-Gen Leaders Asia Tenggara yang dikendalikan oleh Yayasan Temasek - Lee Kuan Yew School of Public Policy (TF-LKYSP) adalah sebagai platform pembinaan keupayaan, pertukaran pengetahuan dan rangkaian untuk pemimpin dan pembuat perubahan generasi akan datang.

Di samping itu, ia juga merupakan platform untuk para peserta melibatkan diri dengan pemimpin pemikiran terbilang daripada sektor awam, swasta dan rakyat di rantau Asia Tenggara.

Program yang julung kali diadakan itu, disertai oleh Pegawai Eksekutif di Darussalam Enterprise (DARE), Faiq Airudin, satu-satunya peserta dari Negara Brunei Darussalam.

Proses pemilihan adalah kompetitif, dengan 600 permohonan dari rantau Asia Tenggara, dan hanya 35 peserta terpilih bagi program tersebut dari rantau ASEAN dan Timor Leste yang berumur di antara 25 - 35

tahun.

Dalam Siaran Akhbar DARE, Faiq Airudin mengongsikan, penyertaan program berkenaan merupakan suatu penghormatan bagi dirinya kerana hanya satu-satunya peserta Brunei yang terpilih.

Beliau berharap dapat berkongsi ilmu dengan negara, DARE, dan pertubuhan belia yang disertai secara aktif, seperti 'Just Bruneians'.

Tambahnya, program seperti itu penting untuk memahami amalan keusahawanan dan inovasi terbaik di rantau ini, dan ia adalah peluang yang hebat untuk menyelaraskan amalan dan metodologi ini dengan Wawasan Brunei 2035.

Program anjuran LKYSP berlangsung dengan kerjasama Yayasan Temasek, membawa tema 'Reimagining and Shaping the Future of Innovation and Entrepreneurship'.

Semasa program tersebut, Faiq berpeluang berdialog bersama Menteri Tenaga Manusia dan Menteri Kedua bagi Perdagangan dan Industri, Republik Singapura,

Tuan Yang Terutama Dr. Tan See Leng dan semasa di Jakarta, para belia yang ikut serta telah berkesempatan untuk berdialog bersama Menteri Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Sandiaga Salahuddin Uno.

Program lima bulan itu berlangsung dari Jun hingga Oktober dan dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu pertama program dalam talian, 'Online Futures Thinking Workshop' bermula 20 hingga 22 Jun 2023; diikuti bahagian kedua di Jakarta, Indonesia iaitu 'Regional Learning Journey' bermula 15 hingga 18 Ogos 2023; dan bahagian terakhir ialah Forum TF-LKYSP Southeast Asia Next-Gen Leaders di Singapura bermula 10 hingga 13 Oktober 2023 bagi melengkapkan program tersebut.

LKYSP adalah Sekolah Lepasan Ijazah Universiti Nasional Singapura (NUS), yang mana menurut QS World University Rankings 2024, NUS menduduki tangga ke-8 di dunia dan pertama di Asia.

MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN BELIA DA'IE

PULAI, Ahad, 22 Oktober. - Badan Sukarelawan Belia Da'ie di bawah naungan Urus Setia Program Keugamaan Belia,



PENGURUSI Program Pemantapan Da'ie, Dayang Siti Hurul-'Ain Diyana binti Haji Abd Majid @ Vieana semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.



SEBAHAGIAN peserta wanita yang menamatkan Program Pemantapan Da'ie anjuran Badan Sukarelawan Belia Da'ie di bawah naungan Urus Setia Program Keugamaan Belia, PDI.

Pancingan data melalui SMS

Siaran Akbar : Jabatan Perkhidmatan Pos

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Oktober. - Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa jabatan ini telah pun menerima aduan daripada pelanggan jabatan pada 19 Oktober 2023 berhubung dengan 'bungkusan yang tidak dapat diantar oleh kerana pengalaman yang tidak lengkap' yang diterima melalui pesanan ringkas bagi mengesahkan alamat penerima melalui <https://bn.support-links.com/zHYdU>.

Justeru, dimaklumkan kepada orang ramai khususnya pelanggan-pelanggan yang berurusan dengan JPP bahawa pautan teks pesanan ringkas berkeraian adalah tidak benar dan JPP tidak pernah meminta maklumat peribadi dan maklumat perbankan daripada pelanggan untuk mana-mana perkhidmatan yang sedia ada.

Sehubungan itu, adalah disarankan orang ramai agar tidak mengongsikan maklumat peribadi dan kewangan dengan pihak yang tidak dikenali ketika dalam talian.

Pastikan kesahihannya terlebih dahulu sebelum menekan pautan yang diterima melalui SMS, WhatsApp atau media sosial dan pastikan untuk menggunakan laman sesawang rasmi kerajaan iaitu gov.bn untuk sebarang urusan yang melibatkan perkongsian maklumat peribadi.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk sentiasa peka dan tidak terpedaya dengan sikap mudah percaya akan maklumat yang mencurigakan dan tidak pasti mengenai kesahihannya.

JPP mengambil serius mengenai kegiatan penipuan ini dan secara aktif melaksanakan pelbagai langkah keselamatan untuk melindungi pelanggan daripada sebarang kejadian yang tidak diingini.

Dalam pada itu, pihak JPP ini memohon kerjasama orang ramai untuk melaporkan sebarang kegiatan penipuan dalam talian dengan menghubungi BruCERT menerusi talian +673 2458001 atau e-mel reporting@brucert.org.bn. JPP ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dihadapi.

Pusat Da'wah Islamiah (PDI) pagi tadi mengadakan Majlis Penganugerahan Biasiswa dan Penyampaian Sijil Program Pemantapan Da'ie yang berlangsung di Dewan Persidangan, PDI, di sini.

Seramai 31 peserta menyertai program tersebut yang telah dinilai berkelayakan dan berkebolehan mereka dari sudut memberikan komitmen yang terbaik dan memiliki sahsiah (jati diri) Melayu Islam Beraja (MIB) yang sesuai.

Program tersebut merupakan salah satu inisiatif Badan Sukarelawan Belia Da'ie bagi merealisasikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam pemerkasaan dan pemantapan ilmu asas ugama serta kemahiran yang diperlukan oleh golongan pendakwah khususnya pendakwah muda. Program itu juga mengambil

masa selama dua tahun bermula pada tahun 2021 hingga 2023 yang ditaja sepenuhnya oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman, yang kemudiannya turut menyempurnakan penganugerahan-penganugerahan tersebut.

Turut hadir, Pemangku Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Dayang Sufinah binti Haji Sulaiman.

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah 'Ali Imran, yang dibacakan oleh Awang Adib Zainul Zaky bin Haji Abdul Manaf dan Ibrah disampaikan oleh Awang Nur Mizan Syafie bin Nor Hashim.

Kemudian diikuti dengan ucapan alu-aluan Pengurus Program Pemantapan Da'ie, Dayang Siti Hurul-'Ain Diyana binti Haji Abd Majid @ Vieana.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan pengumuman penganugerahan biasiswa oleh Ketua Urusetia Program Keugamaan Belia, Awang Isham bin Ismail, dan diikuti dengan penyerahan sijil dan hadiah, anugerah-anugerah khas dan biasiswa kepada para peserta oleh tetamu kehormat majlis.

Penganugerahan biasiswa khas telah diberikan kepada tiga peserta untuk melanjutkan pembelajaran bagi memantapkan lagi ilmu dan kemahiran-kemahiran praktikal



PEMANGKU Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman semasa menyampaikan Anugerah Khas kepada salah seorang penerima.

mengikut keperluan bidang para Da'ie, iaitu Dayang Nurul Zaimah binti Haji Mohidin; Dayang Siti Nur Rafhanah binti Awang Masri; dan Dayang Nor Najah binti Abdullah.

Beberapa penganugerahan juga turut disempurnakan, iaitu Anugerah Khas kepada seorang penerima dan Anugerah Umum kepada empat penerima.

Penyerahan sijil penghargaan juga diberikan kepada penceramah jemputan, fasilitator kemahiran dan penaja di sepanjang program tersebut berlangsung dan seterusnya tayangan video kenangan sepanjang Program Pemantapan Da'ie itu dijalankan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan sesi bergambar rama.

Antara objektif program

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hernie Suliana
Haji Othman

berkenaan adalah untuk memantapkan kualiti Da'ie secara internal melalui pembinaan yang konsisten dan dari sudut penguasaan ilmu dan kemahiran-kemahiran praktikal yang diperlukan oleh Da'ie serta memperkasakan aktiviti pembudayaan ilmu dalam kalangan Da'ie melalui perkongsian idea, perbincangan dan kerjasama dengan lebih intensif.

Di samping itu, bertujuan untuk merealisasikan visi Belia Da'ie untuk melahirkan Da'ie yang berilmu dan asatizah belia yang bertaualah dengan pengiktirafan Majlis Ugama Islam Brunei.

HALUAN

Penambahbaikan penjagaan kesihatan perlu, keselamatan pesakit satu keutamaan

>> Muka 2

Dalam mengukuhkan dan memastikan keselamatan pesakit sentiasa menjadi keutamaan dalam sistem penjagaan kesihatan, The International Patient Safety Goals telah pun menggariskan 6 matlamat yang sering menjadi masalah dan memberikan penyelesaian berdasarkan bukti untuk menanganinya. Enam matlamat keselamatan pesakit yang dimaksudkan ialah Correct Patient Identification, Effective Communication, Management of High Alert Medication, Safe Surgery, Hand Hygiene and Falls Prevention. Setakat ini, Kementerian Kesihatan telah pun menghasilkan empat dasar bagi menyokong matlamat tersebut yang bertujuan untuk membantu mengurangkan risiko kecederaan pesakit di hospital-hospital di seluruh negara.

Bagi matlamat yang ke-6 iaitu Fall Prevention atau Pencegahan Jatuh, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, jatuh adalah salah satu kejadian yang sering terjadi dilaporkan di seluruh dunia. Data menunjukkan 2 peratus pesakit yang dimasukkan ke hospital mengalami jatuh sekurang-kurangnya sekali dengan satu daripada empat kejadian itu mengakibatkan kecederaan yang boleh membahayakan nyawa. Hal ini bukan sahaja menjadi beban fizikal dan ekonomi kepada pesakit malahan kepada organisasi perubatan dari segi peningkatan tempoh berada di hospital dan kos rawatan perubatan.

Alhamdulillah, pada hari ini, satu dasar pencegahan jatuh telah pun dihasilkan di Negara Brunei Darussalam dengan penglibatan daripada pelbagai profesional kesihatan. Dasar ini akan dijadikan sebagai garis pandu bagi pencegahan jatuh termasuk mengenal pasti pesakit yang mempunyai risiko tinggi untuk jatuh dan menggunakan penilaian klinikal untuk membuat

keputusan dalam penggunaan strategi yang bersesuaian dengan melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengingatkan kepada semua profesional kesihatan untuk merawat pesakit bukan sahaja dari segi pemberian ubat-ubatan, bahkan dengan memberikan layanan yang baik, berkomunikasi dengan lebih jelas dan berkesan mengenai rawatan pesakit, mendengar dan memahami akan keimbangan pesakit serta memberikan sokongan dan semangat kepada pesakit untuk menjalani rawatan mereka. InsyaAllah, semua ini sedikit sebanyak akan memberikan kesan yang positif kepada pengalaman pesakit terhadap penjagaan kesihatan yang diberikan.

Juga dikongsikan, pada masa ini Kementerian Kesihatan sedang giat berusaha untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan terhadap pelanggan dengan mengendalikan Program Latihan Perkhidmatan Pelanggan secara berfasa dengan keutamaan diberikan kepada kakitangan di hospital terlebih dahulu. Di antara modul di dalam latihan ini ialah memahami budaya perkhidmatan pelanggan, mempelajari kemahiran interaksi pelanggan, mengendalikan aduan, etika kerja, akta kerahsiaan, perkhidmatan kaunter, adab kerja dan pengendalian pelanggan.

Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat dan bekerjasama dalam menghasilkan dasar pencegahan jatuh ini. Semoga segala usaha untuk meningkatkan kualiti dalam penyampaian penjagaan pesakit dan memberikan hasil yang terbaik kepada pesakit mendapat keredaan-Nya jua. Amin Amin Ya Rabbal Alamin.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Oktober. - Seramai 70 orang telah menyertai Program

Kembara Ilmu 2.0 anjuran Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat

Pembangunan Kerja dan Jaringan Industri (OCeAN) dengan kerjasama Persatuan Siswazah Wanita, Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Auditorium, UNISSA, baru-baru ini.

Pembentangan dalam program ini telah dibahagikan kepada dua sesi di mana disampaikan oleh fasilitator-fasilitator dari Malaysia.

Sesi pertama program dimulakan dengan pembentangan bertajuk 'Pembangunan Syakhsiah Diri, Keluarga dan Kerjaya Berpandukan Konsep Negara Zikir' yang disampaikan oleh Ketua Jabatan Siyayah Syar'iyyah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Profesor Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail.

Sesi ini menekankan kepentingan niat yang baik dalam melakukan suatu pekerjaan dalam ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan berusaha mendapatkan reda Allah. Penceramah turut mengongsikan doa agar sentiasa mengingati, mensyukuri Allah serta memperbaiki ibadat kepada Allah. Manakala sesi kedua pula

PEMBENTANGAN dalam Program Kembara Ilmu 2.0 dibahagikan kepada dua sesi yang mana disampaikan oleh fasilitator-fasilitator daripada Malaysia (atas dan bawah kanan). Sementara gambar kiri, antara yang hadir pada Program Kembara Ilmu 2.0 anjuran Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Pembangunan Kerja dan Jaringan Industri (OCeAN) dengan kerjasama Persatuan Siswazah Wanita, Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Auditorium, UNISSA.

disampaikan oleh Pengasas Academy of Sharifatuna Quranic Arts (ASQA) dan CEO Sharifah Khasif Production Sdn. Bhd., Sharifah Khasif Fadzilah binti Syed Mohd. Badiuzzaman al-Yahya yang bertajuk 'Al-Quran Dalam Kehidupan'.

Sesi ini menyentuh mengenai pentingnya pembelajaran Al-Quran

dan keutamaannya dalam pembangunan sahsiah, kerjaya dan keluarga.

Program seumpama ini diharapkan akan dapat memberikan manfaat di samping menambahkan lagi ilmu khususnya ilmu ukhwari kepada para peserta. Program ini diakhiri dengan sesi bergambar ramai.



MAKLUMAN TATACARA PENYAMPAIAN DAN MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat I, Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.

Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditidakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn



43 pelajar terima sumbangan

Siaran Akhbar dan Foto :
Kumpulan Infaq Ikhlas



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Oktober. - Seramai 43 pelajar Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid Menunggol telah menerima sumbangan makanan daripada Kumpulan Infaq Ikhlas, peserta Program Pembangunan

Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Kali Ke-30 (EDPSGO-30) yang dijayaikan bersama Syarikat Makan Ceria Sdn. Bhd.

Sumbangan berkenaan adalah salah satu aktiviti sampingan

bagi Projek Jangkauan Masyarakat yang dilaksanakan oleh kumpulan tersebut yang bertujuan untuk berkongsi kegembiraan bersama pelajar-pelajar di sekolah itu. Selain itu, sumbangan ini juga

ialah sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat antara kolaborasi kumpulan Infaq Ikhlas bersama Syarikat Makan Ceria Sdn Bhd.

Kampung Menunggol dipilih oleh Kumpulan Infaq Ikhlas sebagai

SERAMAI 43 pelajar Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid Menunggol menerima sumbangan makanan daripada Kumpulan Infaq Ikhlas, peserta Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Kali Ke-30 yang dijayaikan bersama Syarikat Makan Ceria Sdn. Bhd.

destinasi bagi projek bertajuk 'Peningkatan Aktiviti Berkaitan Ekonomi dan Pelancongan di Kampung Menunggol' berdasarkan keunikan kampung tersebut, di mana terdapatnya tempat bersejarah dan menarik yang boleh diketengahkan dan diperkenalkan kepada orang ramai.

Projek tersebut diungkayahkan dengan kerjasama beberapa pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan syarikat swasta dengan matlamat untuk memperluaskan lagi rangkaian dan hubungan Majlis Perundingan Kampung Menunggol bersama pihak-pihak berkenaan.

سند السرى

مپلامتنکن ديري درقد افي نراك

سیهیع جمعة، ابوا عبس برکات کفند بھاوا دی مندغیر نبی ﷺ اکن ملیتاسی نراك. والوبائیمان فون، هان برسبدا يع برمقصود: کدوا کاکی ساورغ همبا يع برديبو کران برجالن دجالن الله تیدق، اکن دستوه اوله افي نراك.

کتوجوه: برداعه موھون فرليندوغن الله سیجحله و تعالی دری افي نراك. درقد انس بن مالک رجھیجۃ، بھاوسن رسول الله ﷺ برسبدا: من سآل الله الجنة ثلاث مرات قالت الجنۃ: اللہم ادخلہ الجنة، ومن استخار من النار ثلاث مرات قالت النار: اللہم أجره من النار.

مقصودون:

سیاف يع مینتا شرک سباین تیک کالی، مک شرک اکن برکات: "يا الله، ماسوکله دی کدام شرک." دان سیاف يع موھون فرليندوغن دری نراك سباین تیک کالی، مک نراك اکن برکات: "يا الله، لیندوغیه دی دری نراك." (حدیث رواية امام ترمذی)

اوله يع دمکین، واهی قوم مسلمین، ماریله کيت مپلامتنکن دری دان کلوارک کيت دری عذاب افي نراك یايت دعن منجاوھنکن دری درقد ملاکوکن فرکارا-سفر کارا يع موغکر دان معصیة سرت منیعکنکن کلماں دان کتفؤان دالم مغراجاکن سکل سوروھن الله سیجحله و تعالی دان منیعکلکن سکل لارعن، موده-مودهن دعن يع دمکین، کيت سوا اکن ترکلوج دالم کالشن اورغ-اورغ يع اکن منزعا بالسن شرک دعن رحمة الله سیجحله و تعالی دان دجاوھنکن دری عذاب نراك.

دان جوک مریک يع بردعاء: "يا توهن کامي! جاوهکنه عذاب نراك جهنم درقد کامي، سیغکرھن عذاب ایت اداله سنتیاس ککل."

{ سوره الفرقان آية : ٦٥ }

بارک الله لنا في القرآن العظيم، ونفعنا بالآيات والذكر الحكيم. وتقليل مَا تلاوةه إله هو المسمى العليم، واستغفار الله العظيم لِّوكْم ولساير المسلمين وأ المسلمات والمؤمنين والمؤمنات فاستغفروه فیا فوز المستغفرين وبإنجاح التائبين.

سیغکرھن سیاف اورغ اکن ملیتاسی نراك. والوبائیمان فون، هان اورغ-اورغ يع برتفوی کفند الله سیجحله و تعالی سهاج يع اکن ترسلامت دری ترجزو موس کلاملن، فر کارا این اد دترغکن دالم القرآن ، فرمان الله سیجحله و تعالی دام سورة مریم آیة ٧٢-٧١:

دان تباد ساورغ فون انترا کامو (واهی مانسی) ملاینکن اکن ملیتاسی نراك ایت (ملالوی صراط)، حال یايت باکی توھنمر اداله سواتو کتستانو يع سوده دتفکن. کمودین کامي اکن مپلامتنکن (دری نراك ایت) اورغ-اورغ يع برتفوی، دان کامي اکن میمارکن اورغ-اورغ ظالم (اورغ-اورغ کافر) دالمل دالم کادأن برلوقوت.

فرلو دکھوی، بھاوا انترا صفة تو فربوانت اورغ-اورغ يع برتفوی يع دافت مپلامتنکن دان ملیندوغی دری مریک درقد ترجزو موس کلامل نراك جهنم ایاله:

فرتام: بریمان کفند الله سیجحله و تعالی. کدوا: جنتا کفند الله سیجحله و تعالی. کتبک: تاکرٹ کفند الله سیجحله و تعالی. کامفت: ملقساناکن ٹواس.

کلیم: برصلقه. رسول الله ﷺ باین میونکن تبغ کنجارن دان کلیهین برصلقه، انترا صدقه ایت مندیندیغ دری درقد افي نراك. درقد عدی بن حاتم رجھیجۃ، اکن مندغیر رسول الله ﷺ برسبدا: إثْقُوا النَّارَ وَلُوْبَانَ

بشق قرة: مقصودون:

"حاکله کامو دری نراك سکالیفون دعن (برصلقه) سنه بیجي کورما." (حدیث رواية امام مسلم)

کام: جهاد دجالن الله، سفرتیمان يع دسویونکن دالمل سواه حدیث يع دروایونکن اوله امام بخاری دالم صحیح، تله منجربناکن عابیه بن رفاعه، دی برکات بھاوا دی برغۇ دعن ابوا عبس کتبک دی هندق فرکی ملقساناکن

جماعه يع درجمي الله،

برتفوی له کيت کحضرۃ الله سیجحله و تعالی دعن منیعکنکن کلماں کفند. سیغکرھن اورغ يع فالیغ میلا دیسیسی الله سیجحله و تعالی ایاله اورغ يع فالیغ برتفوی. موده-مودهن کيت منجادی إنسان يع سنتیاس معایغی الله سیجحله و تعالی، براؤله کجیان دان کسلامن ددیا دان جوک داخیره.

جماعه يع درجمي الله،

کيت ساکی اورغ اسلام واجب فرجای دعن اداله هاری آخری دان واجب برایمان کفند سیوا فرکارا-سفر کارا سمعیات سفرتی شرک دان نراك. سیغکرھن شرک دان نراك ایت اداله ئېت يع ککل ابادی.

الله سیجحله و تعالی منجیچکن کنجارن بروقا شرک کفند اورغ-اورغ مۇمن يع منطاعی فریتهن دان منیعکلکن سکل لارعن، ماںکل باکی همبا-همبان يع کوفور دان بیگکر قول اکن منزما بالسن بروقا عذاب يع فالیغ قىدې دان مناکوتکن یايت نراك.

الله سیجحله و تعالی منجیچکن نراك ساکی غفت حکومن دان ئېت فیالسان اتس فربوانت درهالك، دوسا دان معصیة يع دلاکوکن سیشورغ ایت کېک جیان ددیا. فرمان الله سیجحله و تعالی دام سورة الفتح آیة ١٧:

دان سیاف يع طاعة کفند الله دان رسول، نسجای دی اکن ماسوکن کدام شرک-شرک يع مقالیر دباوھن سوغری-سوغى، تئانی سیاف يع برفالیغ، دی اکن مغەدىن دعن عذاب يع قىدې.

جماعه يع درجمي الله،

نراك ایت دئۋهي دعن ابی يع ساعت ئانس دان دھشت ماله باھن ئانس نراك ایت لیه ئانس دری ابی يع اد ددیا. سکرمان سیتیس ابی نراك ایت جاتوه کدنیا، مک هنجور لیورله دنیا این، تامون ادکلان نراك ایت منجادی سحوق، ماله سوھون لیھ سحوق دری اف يع فرنە دراسکن ددیا سېیغىك مېیىك بىرکىکورن داکىيغ دری توبوھ مانسی عقیة دری راس سحوق يع كۈلۈلۈن.

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Sekolah-Sekolah,
Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 21 Oktober.
Seramai 42 guru BTEC telah
menyertai Program
Pembangunan Profesional
yang dikendalikan oleh Kolej
Perdagangan dan Teknologi
Cosmopolitan.

Sehubungan itu, Majlis
Penyampaian Sijil kepada
para peserta program tersebut
telah diadakan hari ini di kolej
berkenaan, di sini.

Hadir menyampaikan
sijil-sijil kepada peserta
ialah Pengarah Jabatan
Sekolah-Sekolah, Kementerian
Pendidikan, Dayang Hajah
Marina Chek binti Bujang,
selaku tetamu kehormat
majlis.

Para peserta program terdiri
daripada 22 guru BTEC dalam
Program IT, 14 guru BTEC dalam
Program Perniagaan, dan enam
guru BTEC dalam Penghasilan
Media Kreatif.

Program berkenaan telah
diadakan bermula 20 September
hingga 4 Oktober 2023
yang memberikan satu
pengalaman dan pendedahan
yang baik bagi guru-guru BTEC
tersebut.

Melalui program tersebut,
guru-guru BTEC telah
memperoleh pengetahuan dan
kemahiran berharga daripada
tenaga pengajar Kolej
Perdagangan dan Teknologi
Cosmopolitan yang juga
mengajar Sijil Tahap 2

MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL DALAM PENGAJARAN



SERAMAI 42 guru BTEC yang menyertai Program Pembangunan Profesional yang dikendalikan oleh Kolej Perdagangan dan Teknologi Cosmopolitan menerima sijil pada Majlis Penyampaian Sijil berkenaan.

BTEC.

Dengan kerjasama ini, ia
diharapkan dapat memberi
inspirasi kepada guru-guru
untuk membolehkan mereka
berkeyakinan dalam menjalankan
dan mengaplikasikan apa
yang mereka pelajari daripada
pembangunan profesional
di bilik darjah mereka

nanti.

Selain itu, ia juga merupakan
peluang yang baik untuk
guru-guru berkongsi sebarang
isu dan cabaran yang dihadapi
dalam bilik darjah mereka,
sekali gus memberi peluang
untuk bertukar-tukar idea
tentang cara menangani cabaran
tersebut.

>> Muka 7

Acara kemuncak ialah perasmian papan tanda Taman Riadah Bukit Batu Bujang Pahang yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Di bawah Projek Jangkauan Masyarakat yang dikendalikan oleh Kumpulan Infaq Ikhlas, trek pendakian Bukit Batu Bujang Pahang akan dipasang dengan lampu-lampu solar, papan-papan tanda yang menunjukkan peta jalan dan hala tuju serta kod QR bagi daftar masuk sebelum mendaki bukit berkenaan.

Usaha sedemikian adalah untuk menarik minat orang ramai khususnya mereka yang meminati aktiviti mendaki bukit untuk datang berkunjung ke Bukit Batu Bujang Pahang dan seterusnya memastikan keselamatan serta keselesaan mereka ketika berada di kawasan berkenaan.

Pada majlis berkenaan, para jemputan berkesempatan untuk menyaksikan dan membeli produk-produk hasil daripada penduduk Kampung Menunggol seperti keropok udang, kelupis, madu kelulut, ikan rumahanliking, sayur dan buah-buahan tempatan.

Sepanjang mengendalikan Projek Jangkauan Masyarakat di Kampung Menunggol, kumpulan Infaq Ikhlas dengan kerjasama Majlis Perundungan Kampung Menunggol serta sokongan beberapa agensi kerajaan, NGO dan syarikat-syarikat penaja melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti kempen bergotong-royong membersihkan kawasan jeti dan Taman Riadah Bukit Batu Bujang Pahang, membaiti jeti Berambang Menunggol dan kemudahan awam yang terdapat di Taman Riadah Bukit Batu Bujang Pahang.

Selain itu, kumpulan berkenaan juga berkolaborasi dengan Syarikat Makan Ceria Sdn. Bhd. dalam memberi sumbangan makanan kepada para pelajar di Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Kampung Menunggol.

Adapun Kampung Menunggol dipilih oleh Kumpulan Infaq Ikhlas sebagai destinasi bagi melaksanakan Projek Jangkauan Masyarakat adalah berdasarkan kepada keunikan kampung berkenaan.

Kampung Menunggol mempunyai tempat bersejarah dan menarik yang boleh diketengahkan sebagai tempat tarikan pelancong.

Di samping itu, Kampung Menunggol juga mempunyai produk-produk hasil daripada penduduknya yang berpotensi untuk dipasarkan yang juga secara tidak langsung akan dapat meningkatkan aktiviti keusahawanan dan perekonomian di kampung berkenaan.

Bimbing keluarga berlandaskan ajaran Islam

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid



ANTARA Muslimah masjid yang hadir pada tazkirah bertajuk 'Peranan Ibu Bapa Dalam Pembentukan Syaksiah Anak-Anak' bertempat di Masjid Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong (atas dan bawah).

membentuk sahsiah / keperibadian anak-anak dan keluarga dalam membina keluarga yang bahagia dan aman tenteram serta berkasi-

sayang.

Di samping untuk memberi pengetahuan dan panduan cara membimbing keluarga berlandaskan ajaran Islam, acara ini juga bertujuan untuk mengongsikan ayat-ayat Al-Quran dan doa-doaa pilihan yang diamalkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam berkeluarga.

Selain itu juga, untuk meningkatkan semangat dan motivasi dalam kalangan ibu bapa untuk terus berusaha memberi bimbingan kepada anak-anak dan keluarga.

Semoga dengan adanya program seumpama ini akan dapat memberi kesedaran dan kefahaman kepada para Muslimah untuk membimbing keluarga ke jalan yang diredai Allah.



سوهنهجای فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

INGIN MENGETAHUI TARIKH
UJIAN / TEMU DUGA AWDA?



Layari www.recruitment.gov.bn
dan semak "Kalendar Saya"

+673 7371961

PSC.BN

query@spa.gov.bn

SEAMEO VOCTECH TERIMA ANUGERAH RAKAN KONGSI TERHORMAT

Siaran Akbar dan Foto : SEAMEO VOCTECH

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Oktober. - Pusat Serantau TVET SEAMEO VOCTECH baru-baru ini telah diberi penghormatan dengan Anugerah Rakan Kongsi Terhormat (Distinguished Partner Award) oleh Institut Pendidikan Teknikal - Perkhidmatan Pendidikan (ITEES) Singapura.

Pengiktirafan tersebut adalah sebagai bukti komitmen SEAMEO VOCTECH yang tidak berbelah bahagi dan sumbangan luar biasa kepada peningkatan Pendidikan Teknikal dan Pembangunan Kemahiran Guru di seluruh Asia Tenggara.

Sebagai tanda sedekad inovasi dan pertumbuhan kolaboratif, SEAMEO VOCTECH menerima anugerah berprestij tersebut semasa Majlis Memperingati Ulang Tahun Ke-20 ITEES Singapura.

Anugerah itu disampaikan oleh Pengurus ITEES, Andrew Chong;

Perkongsian itu telah

dan Ketua Pegawai Eksekutif, Bruce Boh, yang mengiktiraf peranan penting pusat tersebut dalam menyokong ITEES dalam perjalanan transformatifnya ke arah kecemerlangan global dalam Pembangunan Kemahiran dan Latihan Guru TVET di seluruh Asia Tenggara.

Pada majlis itu, anugerah tersebut diterima oleh Pengarah SEAMEO VOCTECH, Awang Alias bin Haji Abu Bakar; dan Timbalan Pengarah Pentadbiran, Pengiran Haji Mohamad Sufri bin Pengiran Ali yang menandakan pencapaian kolektif pasukan berdedikasi pusat serantau itu.

Perjalanan kerjasama yang luar biasa ini telah berkembang pesat kerana perkongsian 10 tahun yang erat dan berkekalan antara SEAMEO VOCTECH dan ITEES, dengan sokongan tidak ternilai dari Yayasan Temasek.

Perkongsian itu telah

menghasilkan kejayaan pelaksanaan tiga pusingan transformatif Program Peningkatan Kemahiran Teknikal untuk Guru TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional) di seluruh Asia Tenggara, bermula dari Ogos 2013 hingga Jun 2023.

Kesan daripada program-program ini amat mendalam dengan 271 Pelatih Induk iaitu hasil daripada inisiatif ini, yang berkongsi pengetahuan dan kepakaran mereka dengan 1,565 peserta dari pelbagai sudut di rantau ini.

Kesan yang membanggakan ini juga telah merentasi sempadan dan sektor industri, sekali gus memberi manfaat secara langsung kepada guru dan pelajar TVET di seluruh Asia Tenggara.

Impak yang mendalam daripada sumbangan SEAMEO VOCTECH kepada pembangunan Pendidikan Teknikal dan Kemahiran di seluruh Asia Tenggara berfungsi sebagai sebab yang memberangsangkan



PUSAT Serantau SEAMEO VOCTECH diberikan Anugerah Rakan Kongsi Terhormat (Distinguished Partner Award) oleh Institut Pendidikan Teknikal - Perkhidmatan Pendidikan (ITEES) Singapura. Hadir bagi menerima anugerah tersebut ialah Pengarah SEAMEO VOCTECH, Awang Alias bin Haji Abu Bakar.

untuk perayaan dan pemangkin untuk inovasi program masa depan, usaha jangkauan dan kemampuan misi transformatif mereka.

Perjalanan kecemerlangan

diteruskan, dan SEAMEO VOCTECH kekal di barisan hadapan bagi masa depan yang lebih cerah dan berkemahiran untuk belia dan tenaga kerja rantau ini.

Operasi Sakat tahun 18 warga asing

Siaran Akbar dan Foto :

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

SERIA, Sabtu, 21 Oktober. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) terus melaksanakan operasi-operasi penguat kuasa undang-undang di kesemua daerah di negara ini.

Sehubungan itu, baru-baru ini telah dijalankan Operasi Sakat 146 / 2023 pada sebuah Syarikat Perusahaan di Mukim Seria, di sini.

Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan, seramai 18 warga asing dipercayai menyalahi

Pas Imigresen dan kesemua daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, JIPK bagi siasatan lanjut.

JIPK mengingatkan para majikan agar patuh dan tidak melanggar sebarang akta dan peraturan imigresen serta memastikan pekerja-pekerja mereka melakukan kerja-kerja seperti yang ditetapkan.

Pihak JIPK juga mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung

dengan pesalah imigresen. Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya dengan menghubungi ke talian JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

JABATAN Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan semasa melaksanakan Operasi Sakat pada sebuah Syarikat Perusahaan di Mukim Seria.



سورو هنجاي قر خدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)



2 Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)



3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap *Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan



4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"



5 Lengkapkan Maklumat (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)





KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 47 / 2023

Tajuk Tawaran :
Kerja-Kerja Membaik Pulih
Kerosakan-Kerosakan Dewan
Serbaguna Kampung Bebuloh,
Mukim Pengkalan Batu,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 48 / 2023

Tajuk Tawaran :
Supply and Install Missing

Lightning Protection
At Dewan-Dewan Under
Jabatan Daerah Brunei dan
Muara,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
Tidak lewat Selasa,
7 November 2023.
Jam 2.00 Petang.



IKLAN



KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
JDBM / T / 04 / 2023

Tajuk Tawaran :
Penyediaan Perkhidmatan
Mesin Layan Diri Bagi
Jabatan Daerah Brunei dan
Muara dan Premis-Premis
Di Bawah Kawalannya Untuk
Tempoh Tiga (3) Tahun.

Lokasi :
1. Bangunan Pejabat Daerah
Brunei dan Muara,
Jalan Muhibbah
2. Dewan Muhibbah
3. Dewan Kemasyarakatan
Lambak Kanan 1
4. Dewan Kemasyarakatan
Lambak Kanan 2
5. Dewan Kemasyarakatan
Mukim Pengkalan Batu
6. Dewan Kemasyarakatan
Mukim Kilanas
7. Dewan Kemasyarakatan
Mukim Sengkurong

Jumlah Unit Yang Ditawarkan :
Minima 1 Unit setiap lokasi

Tempoh Penyewaan :
3 Tahun

Jenis Perniagaan yang
dibenarkan :



PEJABAT SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM

Bilangan :
SPA / BPK / SBH / 07 / 2023

Tajuk Tawaran :
Pembelian Perabot Bagi
Kegunaan Ruang Latihan Di
Bangunan Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam

Kelas & Kategori :
I, P06

Tarikh Buka Tawaran :
Isnin, 23 Oktober 2023.

Tarikh Akhir mengambil
Dokumen Tawaran :
4 November 2023.

Tarikh Tutup Tawaran :
11 November 2023.

Yuran Tawaran :
BND5.00 tunai
(Tidak dikembalikan)

(OBBD) Kementerian
Kebudayaan, Belia dan
Sukan

Tarikh Tutup Tawaran :
2 November 2023 (Khamis)
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



sebelum tarikh tutup
bagi pembelian
dokumen tawaran,
iaitu 13 November 2023.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
28 November 2023.
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
JDBM / T / 04 / 2023

Tajuk Tawaran :
Penyediaan Perkhidmatan
Mesin Layan Diri Bagi
Jabatan Daerah Brunei dan
Muara dan Premis-Premis
Di Bawah Kawalannya Untuk
Tempoh Tiga (3) Tahun.

Perniagaan biasa berupa
makanan / minuman

Dokumen Tawaran Boleh
diperoleh dari :

Tingkat 1,
Unit Kewangan
Jabatan Daerah
Brunei dan Muara,
Jalan Lapangan Terbang
Lama, Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Buka Tawaran :
23 Oktober 2023.

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :

Isnin,
13 November 2023.
Tidak lewat jam 2.30 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
14 November 2023.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tempat Tawaran Tutup :
Peti Tawaran,
Lobi, Lembaga Tawaran Kecil

Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan BS8610,
Negara Brunei Darussalam.

Yuran Dokumen :
BND30.00
(Tidak akan dikembalikan
kepada penawar)

Waktu Pembayaran :
Isnin - Khamis
8.00 Paggi - 11.30 Paggi
1.30 Petang - 3.00 Petang
Sabtu

8.00 Paggi - 10.30 Paggi



JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI

Tawaran Kastam
BIL. 28 / 2023

Tawaran Bagi Mengganti
Road Hump Di Pos Kawalan
Sungai Tujuh, Cawangan Belait,
Jabatan Kastam
dan Eksais Diraja,
Kementerian Kewangan
dan Ekonomi,



Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
Selasa,
14 November 2023.
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran :
KKBS / OBBD / F-004 (05-2023)

Tajuk Tawaran :
Kontrak Penggal (2) Tahun
(2024-2026) Bagi Penyediaan
dan Penyajian Makan /
Minum (Catering) Untuk
Pegawai, Kakitangan dan
Peserta Yang Mengikuti
Pelbagai Program Outward
Bound Brunei Darussalam



(OBBD) Kementerian
Kebudayaan, Belia dan
Sukan

Tarikh Tutup Tawaran :
2 November 2023 (Khamis)
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga :
28 / DBP / SH / 2023-2024

Tajuk Sebut Harga :
Mencetak Buku Terbitan
Dewan Bahasa Dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan

Yuran Sebut Harga :
BND10.00

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,

26 Oktober 2023

dan dialamatkan kepada :
Pengerusi, Jawatankuasa
Sebut Harga, Tingkat 4,
Bahagian Pentadbiran
dan Operasi
Dewan Bahasa dan Pustaka
Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran :
KKBS / OBBD / F-004 (04-2023)

Tajuk Tawaran :
Kontrak Penggal (2) Tahun
(2024-2026) Bagi Pembekalan
Makan / Minum (Dry Ration)
Untuk Pegawai, Kakitangan dan
Peserta Yang Mengikuti
Pelbagai Program Outward
Bound Brunei Darussalam
(OBBD)
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan

Tarikh Tutup Tawaran :
2 November 2023 (Khamis)
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran :
PPN / ASSET / BUU /
CONTRACT / 2023 / 10 / 1

Tajuk Tawaran :
Term Contract (12 Months) For
Cleaning and Housekeeping
Works, Law Building, Attorney
General's Chambers, Jalan Raja
Isteri Pengiran Anak Saleha,
Bandar Seri Begawan'

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
31 Oktober 2023.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2023 / SDC /
TA / 02
Perkhidmatan Veterinary Kuda
Bagi Tempoh
Satu (1) Tahun

Yuran Tawaran :
BND 30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi
menghubungi Unit Hasil,
JKP mengenai pembayaran
yuran tawaran
adalah 2 minggu



sebelum tarikh tutup
bagi pembelian
dokumen tawaran,
iaitu 13 November 2023.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
28 November 2023.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0031 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
Penyediaan Jamuan Acara Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan (HPPPN) 2023 Secara Terbuka

Tarikh Tutup :
Tidak lewat pada Khamis, 26 Oktober 2023, jam 2.00 Petang.





**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga

Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 151 / 23-24 :
Perkhidmatan Penggambaran dan Pos Produksi (Penyuntingan) Bagi Rancangan Kanak- Kanak, Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei

Bayaran Yuran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
MINDEF / DFA / INFRA / FY2023 / T / TU / 001 [JPPK / LTK / 13 / 2023]

Planned Preventive Maintenance For Swimming Pool, Janitorial, Waste Disposal, Grass cutting and Landscaping At Air Force Base, Rimba

Tarikh Mula Tawaran :
23 Oktober 2023.

Kelas :
III dan ke atas sahaja

Kategori :
KA01 & B01

Tempoh Penyiapan Kerja :
Enam (6) Bulan





**INSTITUT
PERKHIDMATAN AWAM**

Notis Sebut Harga

Tajuk Sebut Harga :
IPA / PENT / SEBHAR / 512 Perkhidmatan Pengawalan Keselamatan Bagi Tempoh (2) Tahun Di Institut Perkhidmatan Awam

Tarikh Tutup Bagi Sebut Harga :
Selasa,
31 Oktober 2023.
Jam 8.45 Pagi.

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2023 / T / TU / 002 [JPPK/LTK/14/2023]
Six (6) Months Term Contract For the Operational Maintenance Of RBAF Facilities At Air Force Base, Rimba

Kelas :
III dan ke atas sahaja

Kategori:
KA01 & B01

Tempoh Penyiapan Kerja :
Enam (06) Bulan

Yuran Tawaran
BND 30.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran Dokumen :
(MINDEF SOR 2019)
(Tidak Dikembalikan) :
BND500.00 satu set
(dalam bentuk CD)*

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa,

7 November 2023.
Tarikh Tutup Tawaran
Selasa, 14 November 2023.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

1. Bilangan Tawaran :
(143)JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
General Building Term Maintenance For A Period Of Twenty Four (24) Months For Tutong Sports Complex, Youth Office and Youth Centre Building, Ministry Of Culture, Youth and Sports, Brunei Darussalam

2. Bilangan Tawaran :
(144)JBS / ADM / QC / 2023

Tajuk Tawaran :
Mechanical and Electrical Term Maintenance For A Period Of Twenty Four (24) Months For National Tennis Court, HBNSC

3. Bilangan Tawaran :
(145)JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Mechanical and Electrical Term Maintenance For A Period Of Twenty Four (24) Months For 1) Squash Centre, HBNSC 2) Lawn Ball, HBNSC 3) Petanque Court, HBNSC 4) Top Spinning Court (Gelanggang Gasing), HBNSC

4. Bilangan Tawaran :
(146)JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Mechanical and Electrical Term Maintenance For A Period Of Twenty Four (24) Months For Menglait Sports Complex

5. Bilangan Tawaran :
(147)JBS / ADM / QC / 2023

Tajuk Tawaran :
Mechanical and Electrical Term Maintenance For A Period Of Twenty Four (24) Months For Multi Purpose Hall and Pedestrian Mall, HBNSC

6. Bilangan Tawaran :
(148)JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Mechanical and Electrical Term Maintenance For A Period Of Twenty Four (24) Months For Berakas Sports Complex

7. Bilangan Tawaran :
(149)JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Mechanical and Electrical Term Maintenance For A Period Of Twenty Four (24) Months For Youth Centre, Bandar Seri Begawan



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PERINTAH ACARA MAL MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH 2005

SAMAN GANTIAN DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DI DAERAH TEMBURONG DALAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SAMAN NO. :
TM / MRS / MAL-A / P012A / 0015 / 05-2023

ANTARA

AMPUAN MARYANI BINTI AMPUAN ALI OMAR - PLAINTIF

DAN

ALINI BIN MAT ZAINI - DEFENDAN

Kepada : ALINI BIN MAT ZAINI, No. Kad Pengenalan : 00-280767 (Kuning), Beralamat : No. 334, Kg. Birau Tutong, Jln Kuala Abang, Negara Brunei Darussalam.

Kamu adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan Mahkamah Rendah Syariah di Daerah Temburong pada Selasa, 31 Oktober 2023 pada jam 10.00 Pagi untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintif yang dinamakan di atas, bagi Tuntutan Cerai Fasakh.

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar di Mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di Mahkamah ini dan menyampaikan kepada plaintif suatu pembelaan dalam Borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh :
16 Zulhijjah 1444H / 5 Julai 2023M

METERAI
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Temburong
Negara Brunei Darussalam.



MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Di dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No. BCY / CP / 8 / 2023

BAIDURI BANK BERHAD
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

Osman bin Haji Shahari
(00-269567)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **27 April 2023**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

Osman bin Haji Shahari
No. 10, Lot 4228, Simpang 187,
Jalan Kecil, Kg Sungai Bakong,
Lumut Seria, KC2935,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen :
27 Mac 2023

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Bertarikh :
12 Ogos 2023

Notis Kepada Pemutang untuk Perjumpaan Pertama



MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No. BCY / CP / 40 / 2011

Baiduri Bank Berhad
- Pemutang / Pemetisyen

Wong Nyuk Yin
(30-097787)
- Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian :

A. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **5 Ogos 2023**.

Nama dan Alamat Bankrap :
Wong Nyuk Yin
Lot. 526, Simpang 71-10,
Kg. Perpindahan Jalan Badas,
Kuala Belait,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :

IKLAN

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **27 April 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-8), Mahkamah Besar pada 30 Ogos 2023, jam 9.45 Pag**i.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **30 Ogos 2023, jam 9.45 Pag**i di **Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
12 Ogos 2023

Kamaliah Fadhilah Binti Haji Ibrahim
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar

Kes No. BCY / CP / 86 / 2023

BAIDURI BANK SENDIRIAN BERHAD
- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

Gilbert Ong Ang Eng
(51-089062)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

27 Februari 2023

B. Semua sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

C. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Bertarikh :
23 Ogos 2023

Kes No. BCY / CP / 51 / 2017

BIBD At-Tamwil Berhad
- Pemutang / Pemetisyen

Isbah bin Zaini
(00-283334)
- Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian :

A. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **12 Ogos 2023**.

Tarikh Permohonan :

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **10 Ogos 2023**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
Gilbert Ong Ang Eng
No. 8, Spg. 66-38-54,
Kg. Bengkuron, Jalan Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen :
14 Jun 2023

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Bertarikh :
19 Ogos 2023

Notis Kepada Pemutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **10 Ogos 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 30 Oktober 2023, jam 10.00 Petang.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Tarikh Petisyen :

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **30 Oktober 2023, jam 10.00 Petang di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
19 Ogos 2023

Hajah Normazdina binti Haji Md.Maksub
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

Kes No. BCY / CP / 146 / 2022

Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei
- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

Mohamad Najmi bin Aliudin
(00-300994)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **10 Disember 2022**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

Mohamad Najmi bin Aliudin
No. 11, Simpang 640,
Kampong Sungai Besar,
Jalan Kota Batu,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen :
29 September 2022

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang

seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Bertarikh :
21 Ogos 2023

Notis Kepada Pemutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **10 Disember 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 27 September 2023, jam 10.30 Pag**i.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **27 September 2023, jam 10.30 Pag**i di **Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
21 Ogos 2023

Muhd Muzakkir bin Haji Zakaria
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar

- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 15 November 2018 telah dibatalkan pada **12 Ogos 2023**.

Nama Penghutang :
Armah binti Haji Kassim
(00-122879)

Alamat Penghutang :

No. 93, Simpang 95,
Kampong Lambak,
Jalan Bedil,
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
23 Ogos 2023

Kes No. BCY / CP / 140 / 2003

Malayan Banking Berhad
- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

1. **Abdul Salam bin Haji A.A**
Mohamed Haneefa
(00-070101)
2. **Judin bin Bujang**
(00-064295)

Bertarikh :
22 Ogos 2023

Hajah Normazdina binti Haji Md. Maskub
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar Besar

IMBASAN MINGGUAN

PROFESOR di Jabatan Siasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Profesor Madya Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail ketika menyampaikan tausiyah ringkas. - Foto : Azmah Haji Ahad.

MAJLIS Perundungan Kampung (MPK) Sungai Bunga melalui Perkhidmatan Pelancongan Seri Tanjung MPK Sungai Bunga menerima rombongan pelawat seramai 27 orang yang dianjurkan oleh Brunei Green dengan kerjasama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

KOLEJ Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dengan kerjasama Kelab Fikrah Fakulti Usuluddin dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, KUPU SB mengadakan Riadah Walkaton bersempena Sambutan Maulidur Rasul 1445 Hijrah dan Hari Guru Ke-33, Tahun 2023. - Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad.

SEBAHAGIAN peserta yang turut serta dalam UBD Run 2023 bagi meraikan graduan Konvokesyen UBD Ke-35 dan mengalu-alukan pengambilan terkini Ogos 2023/2024 yang menamatkan Fresher's Week. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

DETIK-detik mencemaskan semasa perlawanan antara skuad Negara Brunei Darussalam dengan pasukan Indonesia. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

JAMBORI NASIONAL KE-5, 2 - 7 DISEMBER



PESURUJAYA Perhubungan dan Profil Kepengakapan, Awang Muhammad Syahmi bin Halimshah semasa menyampaikan taklimat mengenai Jambori Nasional Ke-5.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERIBI, Sabtu, 21 Oktober. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) akan menganjurkan Jambori Nasional Ke-5 selama lima hari bermula 2 Disember 2023 hingga 7 Disember 2023.

Jambori yang akan mengambil tempat di Bukit Bendera berhampiran dengan Kompleks Sukan Daerah Tutong dan Ibu Pejabat Persatuan Pengakap Daerah Tutong itu menyasarkan lebih 500 penyertaan daripada Ahli-ahli Pengakap dari dalam dan luar negeri.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Pesuruhjaya Perhubungan dan Profil Kepengakapan, Awang Muhammad Syahmi bin Halimshah dalam satu Sidang

Media bertempat di Bilik Persidangan, bangunan Ibu Pejabat PPNBD, Beribi, di sini.

Menurut Awang Muhammad Syahmi, rasional penganjuran Jambori Nasional Ke-5 adalah bagi Memperingati 90 Tahun Pergerakan Pengakap di negara ini dengan mengumpulkan Ahli-ahli Pengakap yang menjurus kepada peningkatan visibiliti PPNBD melalui kegiatan Jambori di samping menjadikan PPNBD sebagai salah satu NGO yang menjadi pilihan golongan belia dengan menawarkan kegiatan yang bersesuaian dan menarik.

Sementara itu, melalui Jambori ini jelasnya, ia diharapkan dapat meningkatkan dan menggalakkan interaksi dalam kalangan pengakap selain diharapkan dapat meningkatkan nilai-nilai hidup bermasyarakat serta mencintai agama, bangsa dan negara.

Jambori ini ujarnya, dianjurkan di Daerah Tutong kerana daerah ini merupakan tempat pertama kali diadakan Perkhemahan Pengakap Senegeri pada tahun 1933.

"PPNBD telah pun menyusun kegiatan-kegiatan yang dapat menjadi daya tarikan bagi peserta yang terdiri daripada Ahli Pengakap Tunas, Pengakap Muda dan Pengakap Remaja di sepanjang Jambori tersebut.

"Aktiviti yang dirancang meliputi enam tema utama antaranya



kepengakapan; kebudayaan dan permainan; Sustainable Development Goals (SDGs); lawatan; keagamaan dan kegiatan rutin serta kegiatan air.

"Kegiatan bagi Ahli Pengakap Dewasa juga turut dirancang seperti Perjumpaan Pemegang Manikayu dan Indaba. Aktiviti ini diharap dapat memberikan pengalaman yang berharga kepada peserta dalam dan luar negara nanti agar ia menjadi ristaan," terangnya.

Semasa Jambori itu, akan turut diadakan adalah pameran-pameran daripada agensi kerajaan,

swasta dan juga NGO dalam sama-sama memeriahkan Jambori Nasional Ke-5 ini nanti.

Pendaftaran masih dibuka kepada Ahli-ahli Pengakap dari dalam dan luar negara. Maklumat lanjut boleh didapat di Laman Sesawang Rasmi PPNBD di <http://www.bruneiscouts.org.bn> dan akan ditutup penyertaannya pada 31 Oktober 2023.

Turut hadir semasa Sidang Media berkenaan ialah Pemangku Pesuruhjaya Ibu Pejabat Media dan IT, Awang Muhammad Arman Jahran bin Abdullah Besi.

Jabatan Kemajuan Pelancongan akan sertai Ekspos Pelancongan Jepun 2023

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Oktober. - Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, akan menyertai Ekspos Pelancongan Jepun 2023 yang berprestij di Osaka bermula dari 26 hingga 29 Oktober 2023.

Ekspos Pelancongan Jepun, yang terkenal sebagai salah satu festival pelancongan tahunan terbesar di dunia, menjadi platform global sejak penubuhannya pada 2014, menyatakan negara dan wilayah dari seluruh dunia.

Pada tahun ini, acara berkenaan kembali ke Osaka sebagai tindak balas kepada harapan tinggi penduduk Osaka dan wilayah Kansai.

Ini memberi peluang yang tidak ternilai bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk mempamerkan budaya, tradisi dan pengalaman perjalanan, mengukuhkan lagi hubungan pelancongan dua hala antara NBD

dan Jepun.

Penyertaan Jabatan Kemajuan Pelancongan dalam acara berkenaan adalah bertujuan untuk meningkatkan perkhidmatan pelancongan ke NBD dan menggalakkan lebih ramai pelancong Jepun untuk meneroka warisan budaya yang kaya, perkhidmatan pengembawaan yang mendebarkan, dan landskap semula jadi yang menakjubkan yang ditawarkan oleh NBD.

Selain itu, Jabatan Kemajuan Pelancongan berminat untuk memanfaatkan potensi pelancongan pendidikan Jepun yang luas, memberi tumpuan kepada memupuk pertukaran akademik dan budaya antara negara.

Usaha strategik berkenaan akan membuka ruang baharu kepada pelajar dan cendekiawan untuk menyelami warisan unik dan peluang akademik NBD.

Untuk memupuk rangkaian dan membina hubungan yang berharga, program berkenaan termasuk sesi rangkaian khas dengan agensi Jepun di Kedutaan

Besar NBD di Tokyo pada 30 Oktober 2023.

Selain itu, Sesi Konsultasi One-on-One dengan Biro Lawatan Sekolah Jepun di Tokyo dijadualkan pada 31 Oktober 2023.

Menyertai Jabatan Kemajuan Pelancongan di Ekspos Pelancongan Jepun 2023 ialah Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, The Empire Brunei, Darussalam Services, Pan Bright

Travel Services, Sunshine Borneo Tour and Travel, Bonasia Holiday Management Services, dan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan pendedahan pelancongan NBD, Jabatan Kemajuan Pelancongan bertujuan untuk mencipta kesan yang berkekalan, mengukuhkan

hubungan sedia ada, dan menjalin perkongsian baharu.

Di samping itu, Jabatan Kemajuan Pelancongan juga ingin bertukar-tukar pengetahuan, menggalakkan pengayaan budaya, dan menarik lebih ramai pelancong Jepun untuk berkunjung ke NBD.

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan, sila layari Instagram [@info.bruneitourism](https://www.instagram.com/info.bruneitourism).



ANTARA syarikat-syarikat yang menyertai Ekspos Pelancongan Jepun 2023.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Perkhidmatan Awam Pemangkin Pembangunan Negara'. Tarikh Tutup : 25 Oktober 2023
2. 'Kebersihan Amalan Hidup Sihat'. Tarikh Tutup : 1 November 2023
3. 'Menghargai Makna Keamanan'. Tarikh Tutup : 8 November 2023

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 kata** perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

18 MURID CEMERLANG DIRAIKAN



Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Sabtu, 21 Oktober. - Seramai 18 murid cemerlang dengan keputusan Pangkat 1 Aggregat 5 dalam Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama

(SSRU) Tahun 2022 hari ini menerima sijil penghargaan dalam sebuah majlis yang berlangsung di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, di sini.

KETUA Pegawai Ugama, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa semasa menyampaikan sijil kepada para penerima (kiri dan kanan).

Daripada jumlah 18 murid tersebut, dua orang mendapat keputusan Pangkat 1 dan 7 Star dalam semua mata pelajaran.

Majlis tersebut turut menyaksikan penyampaian sijil penghargaan kepada tujuh buah sekolah ugama yang telah mencapai 100 peratus lulus dalam Peperiksaan SSSRU bagi Tahun 2022 Masihi, yang mana Sekolah Ugama Penanjong menghasilkan keputusan terbaik keseluruhan.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyampaikan sijil-sijil berkenaan ialah Ketua Pegawai Ugama, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong, antara lain menyatakan tujuan majlis diadakan adalah untuk menyuntik semangat pelajar-pelajar dan sebagai dorongan kepada generasi akan datang dalam melahirkan pelajar cemerlang dalam bidang akademik amnya dan Pelajaran Ugama Islam khasnya.



Terdahulu, atur cara dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengurus Majlis, Awang Mohd. Shahruzan bin Abdullah Unchat, selaku Pengurus Jawatankuasa Guru-guru Ugama Daerah Tutong, antara lain menyatakan tujuan majlis diadakan adalah untuk menyuntik semangat pelajar-pelajar dan sebagai dorongan kepada generasi akan datang dalam melahirkan pelajar cemerlang dalam bidang akademik amnya dan Pelajaran Ugama Islam khasnya.

Sementara itu, tetamu kehormat majlis dalam ucapannya mengucapkan syabas atas pencapaian yang diperoleh oleh

murid-murid dan sekolah-sekolah yang diraiakan, yang mana ia bukan satu perkara yang mudah untuk diperoleh melainkan dengan usaha banyak pihak, termasuk Pejabat Pengajian Islam, Jawatankuasa Guru-Guru Ugama Daerah Tutong, ibu bapa dan paling utama ialah usaha murid itu sendiri.

Majlis seterusnya diserikan dengan persembahan daripada murid-murid Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, Tutong diikuti penyampaian hadiah dan sijil oleh tetamu kehormat.

Majlis merupakan acara tahunan yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Guru-Guru Ugama Daerah Tutong.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak

Lebih 1,000kg sampah berjaya dikumpul

DAYANG Khairunnisa binti Haji Ash'ari selaku Penyelaras Utama European Union-Brunei Partnership Facility semasa menyampaikan ucapan.

Kesihatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat bergabung tenaga hari ini untuk membersihkan Sungai Brunei.

Acara yang dianjurkan oleh Green Brunei itu adalah sebahagian daripada Minggu Diplomasi Hijau EU-ASEAN, yang merupakan sebahagian daripada kempen global tahunan Minggu Diplomasi Hijau EU-ASEAN yang dilancarkan oleh Kesatuan Eropah dan Negara Anggotanya untuk mencetuskan perbualan dan memberi inspirasi dan menggalakkan tindakan untuk

alam sekitar.

Menerusi ucapan oleh Duta Kesatuan Eropah ke ASEAN, Tuan Yang Terutama Sujiro Seam, yang dibacakan oleh wakil beliau, Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari selaku Penyelaras Utama European Union-Brunei Partnership Facility menekankan kepentingan sungai yang bersih kepada alam sekitar dan ekonomi.

Sebanyak 10 acara sedang berlangsung di negara-negara ASEAN sebagai sebahagian daripada Minggu Diplomasi Hijau EU-ASEAN 2023, yang mana acara seumpama ini menggalakkan belia dan masyarakat tempatan untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti peralihan hijau.

Pada acara tersebut, sebanyak 95 beg plastik, seberat lebih 1,356.50 kilogram (kg) telah dikumpul dari pelbagai zon di Kampong Ayer, termasuk Kampung Siamas, Kampung Setia, Kampung Saba Darat, Kampung Sungai Kebun dan Kampung Bakut Berumput.

Antara sampah yang dikumpul ialah bumbung zink, lampin, botol



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Oktober. - Lebih 130 sukarelawan terdiri daripada penghulu dan ketua-ketua kampung, para pelajar, pegawai kerajaan dari Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Pusat Promosi



ANTARA sukarelawan yang menyertai kempen kebersihan tersebut (kiri dan kanan).



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad, Ihsan Green Brunei

terus bekerjasama dengan ASEAN ke arah masa depan yang lebih hijau dan untuk menggalakkan individu, komuniti dan organisasi mengambil tindakan tegas pada masa hadapan untuk melindungi, memelihara dan memulihkan alam sekitar kita buat masa ini dan untuk generasi masa hadapan.

Selepas acara pembersihan, para sukarelawan juga terlibat dalam perbincangan aktif untuk mengetahui tentang inisiatif Kesatuan Eropah mengenai alam sekitar, serta refleksi mereka tentang pembersihan.

Para sukarelawan menyatakan kesedaran dan pemahaman yang lebih baik tentang skala masalah pengurusan sisa di Kampong Ayer.

Minggu Diplomasi Hijau EU-ASEAN 2023 menunjukkan komitmen Kesatuan Eropah untuk

terus bekerjasama dengan ASEAN ke arah masa depan yang lebih hijau dan untuk menggalakkan individu, komuniti dan organisasi mengambil tindakan tegas pada masa hadapan untuk melindungi, memelihara dan memulihkan alam sekitar kita buat masa ini dan untuk generasi masa hadapan.

Acara itu turut disokong oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan; Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan; Pusat Promosi Kesehatan, Kementerian Kesehatan, Abraco Development and VFAST.



Jadikan pertukangan kayu palet jana pendapatan sampingan

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Ihsan Awang Ismawandi Bahar

SETIAP orang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'alaa dengan bakat terpendam dan terpulang kepada kita untuk menggali bakat yang ada dengan kreativiti masing-masing. Bagi mereka yang mahir dalam pertukangan pula ianya merupakan satu peluang dalam menjadikannya satu produk terutamanya pertukangan kayu sebagai sumber pendapatan.

Ruang Industri Kotej kali ini berkesempatan menemui bual salah seorang yang juga mahir dalam pertukangan iaitu Awang Ismawandi bin Bahar, 44, dari daerah Permata Hijau, Daerah Temburong.

Melibatkan diri dalam pertukangan

Bermula Oktober 2018, Awang Ismawandi telah mula menjalankan

perniagaan pertukangan kayu di kediamannya secara separuh masa. Menggunakan kayu palet sebagai bahan utama pembuatan, beliau memperoleh bahan-bahan ini dari pasaran tempatan seperti kedai-kedai hardware.

Dengan menggunakan kayu palet dan juga kreativiti yang ada beliau telah menghasilkan pelbagai jenis perabot-perabot dapur dan perabot lainnya mengikut kehendak pelanggan. Malah idea untuk membuat sesuatu produk itu juga kebanyakannya adalah idea daripada pelanggan, yang kemudiannya beliau realisasikan.

Menimba ilmu

Mengenai idea asal membuat pertukangan daripada kayu palet pula, beliau melihatnya dari media-media sosial yang kemudiannya mendapat sokongan keluarga dalam meneruskan idea ini.

Menurut beliau, pembuatan perabot-

perabot dalaman dan luar rumah merupakan tempahan yang paling laris dari pelanggan. Harga pula mengikut saiz dan ukuran yang dikehendaki oleh pelanggan. Apabila mendapat persetujuan dari pelanggan, maka barulah pembuatan sesuatu perabot itu dimulakan. Begitu juga dengan tempoh penyiapan, semuanya adalah bergantung kepada saiz dan ukuran yang dikehendaki pelanggan. Lebih ringkas pembuatannya, maka lebih pendek tempoh masa dapat disiapkan.

Jana pendapatan

Dalam membuat usaha pertukangan daripada kayu palet ini, walaupun dilakukan secara sambilan namun ianya dapat memberi rezeki kepada pengusaha dan dapat membantu menstabilkan ekonomi keluarga yang sememangnya amat penting dalam menyara hidup. Apatah lagi usaha ini dilaksanakan di rumah setentunya mudah bagi Awang Ismawandi untuk mengimbangi

masa bersama keluarga.

Sepanjang berkecimpung dalam pertukangan ini, sememangnya terlalu banyak cabaran yang dihadapi namun dengan bertawakal dan berserah kepada ketentuan Allah Subhanahu Wata'alaa, segala cabaran ini dapat dilalui.

Di samping membuat perabot daripada kayu palet, beliau juga ada membuat perabot dari kayu tempatan. Selain membuat produk yang baharu, beliau juga boleh membaiki perabot-perabot kayu yang rosak. Bagi mereka yang ingin melihat hasil tangan Awang Ismawandi bolehlah melayari Instagram @_temburong.pallet.maker.

Lain orang lain cara untuk menjana pendapatan dari rumah. Kombinasi kreativiti dan penggunaan bahan-bahan tertentu juga boleh mendatangkan hasil bagi menjana ekonomi keluarga. Apa yang penting ada kemauhan, minat dan fleksibel dalam menghasilkan sesuatu produk yang baharu akan dapat menjadikan sesuatu perniagaan dari rumah itu kekal berterusan.





Ketagihan video game dan kesihatan mental pelajar

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Ihsan HrWana

PERMAINAN video (*video games*) dan permainan digital semakin digemari oleh masyarakat dari waktu ke waktu seiring dengan berkembangnya teknologi yang menyokong permainan tersebut. Tanpa mengira batas usia, permainan video ini cukup dikenali dan menjadi kegiatan baik kanak-kanak mahupun orang dewasa.

Tetapi, di sebalik perkembangan permainan video dan digital ini, terdapat kesan negatif yang perlu diawasi. Permainan ini seharusnya tidak boleh selalu dimainkan dan memperuntukkan masa yang lama untuk bermain kerana sifatnya hanya sebagai hiburan. Bermain dengan bijak penting dilakukan untuk menghindari efek ketagihan bermain *game*, yang kini telah dinyatakan sebagai salah satu bentuk gangguan mental.

Permainan video yang menjadi kegiatan remaja kini telah mempengaruhi kehidupan sehari-hari mereka tanpa disedari. Bagi sesetengah pelajar yang baru berjinak-jinak dengan permainan video perlu mengambil berat kesan amalan ini. Bermula dengan keterujaan untuk mencuba aktiviti permainan video, tanpa disedari corak tingkah laku pelajar terhadap aktiviti ini boleh berubah sehingga menyebabkan ketagihan.

Kajian menunjukkan bahawa ketagihan permainan video boleh mempengaruhi kesihatan fizikal, psikologikal dan fungsi sosial pemain. Ketagihan menyebabkan pemain mengalami tekanan, perubahan corak pemakanan dan tidur, kurang tumpuan semasa belajar atau bekerja dan kurang pergaulan sosial. Kesan paling serius ketagihan termasuklah kegagalan belajar, kehilangan pekerjaan dan kegagalan hubungan.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengklasifikasikan ketagihan permainan video atau *gaming disorder* sebagai masalah kesihatan mental.

Berdasarkan maklumat yang dinyatakan di dalam 'The 11th Revision of the International Classification of Diseases' (ICD-11) pada tahun 2018, ketagihan permainan video bermaksud corak tingkah laku terhadap permainan video yang bercirikan gangguan kawalan terhadap permainan (Contoh : kekerapan, durasi dan intensiti), keutamaan terhadap permainan melebihi aktiviti harian atau minat yang lain, dan kesinambungan atau peningkatan permainan walaupun pemain telah mengalami kesan negatif.

Mengatasi risiko ketagihan permainan video

Pelajar yang menggemari permainan video seharusnya peka dengan jumlah masa yang diperuntukkan untuk aktiviti permainan, terutamanya apabila aktiviti harian yang lain mula diabaikan serta terdapat sebarang perubahan terhadap kesihatan fizikal atau psikologikal dan fungsi sosial yang disebabkan oleh corak tingkah laku permainan video.

Pelajar perlu menyusun jadual harian dengan sebaiknya bagi memastikan pengurusan masa yang berkualiti. Pelajar perlu memastikan kekerapan dan tempoh masa permainan video adalah terkawal. Hadkan aktiviti ini untuk beberapa jam sahaja dalam sehari.

Pelajar perlu peka terhadap perubahan corak tingkah laku diri. Sekiranya, pelajar mengalami kesan seperti hilang minat terhadap aktiviti harian, gangguan mood dan penumpuan serta prestasi pelajaran merosot, mereka perlu segera berhenti bermain. Pelajar boleh mendapatkan khidmat nasihat dari kaunselor dan pakar psikiatri sekiranya perlu.

Peranan sokongan oleh rakan-rakan dan ahli keluarga kepada pelajar yang mengalami masalah ketagihan juga adalah amat penting. Berkommunikasi secara kerap dengan mereka boleh mengalih perhatian dan tumpuan mereka daripada permainan video dan membantu mereka untuk pulih.

Permainan video boleh menjadi aktiviti yang menyeronokkan dan bermanfaat jika dilakukan dengan cara yang betul. Pelajar seharusnya tidak terlalu taksub dengan aktiviti permainan ini dan memastikan segala aktiviti harian dilakukan secara seimbang.

Kesan gaming disorder yang boleh terjadi

Sesuatu yang menjadi ketagihan dan dilakukan secara berlebihan tentu akan memberi impak yang buruk termasuklah bermain permainan video sehingga timbulnya masalah psikologi seperti depresi, rendah diri, stres dan mengalami kecemasan berlebihan.

Permainan video dalam kalangan kanak-kanak sudah sebatas dalam hidup mereka serta menjadi teman setia mereka. Perkembangan video ini bertanggungjawab dalam mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Akibat terpengaruh dengan permainan video juga mendatangkan keburukan kepada kanak-kanak dan masyarakat antaranya kanak-kanak akan menjadi agresif dengan menunjukkan tingkah laku seperti marah, memberontak, dan menjerit untuk melepaskan kemarahan apabila mereka kalah dalam bermain permainan video.

Salah satu kesan permainan video yang tidak terkawal boleh menjadikan kesihatan mereka. Ini adalah kerana remaja akan lebih mementingkan permainan tersebut daripada dirinya sendiri. Apabila taksub dengan permainan tersebut, remaja akan boleh meninggalkan waktu makan hingga menyebabkan corak pemakanannya tidak teratur yang boleh menyebabkan kesihatan akan terjejas. Pelajar boleh menjadi terlalu asyik bermain sehingga mengabaikan waktu makan, belajar dan tidur. Permainan video boleh memberi implikasi negatif kepada kesihatan pelajar sekiranya dilakukan secara berlebihan. Begitu juga dengan waktu tidur yang tidak menentu sehingga kadang-kadang tidak tidur sehingga 24 jam kerana terlalu

taksub dengan permainan video tersebut.

Prestasi pelajaran juga akan merosot jika terlalu ketagihan dengan permainan video ini. Prestasi akademik akan semakin merosot kerana kelalaian mereka untuk mengulangi pelajaran serta tidak membuat tugas kerja sekolah yang diberikan oleh guru. Selain itu, fokus mereka juga tertumpu pada permainan video sehingga lupa akan hal ehwal di sekeliling mereka. Dunia mereka hanya pada khayalan daripada permainan video tersebut.

Apa yang lebih membimbangkan ialah remaja akan menjadi anti-sosial, tidak pandai berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang di sekeliling. Dan apa yang paling menyedihkan disebabkan permainan video ini, hubungan kekeluargaan semakin renggang kerana anak tidak mempedulikan orang yang berada di sekelilingnya termasuk ibu bapa jika dia sudah ketagihan dengan permainan tersebut.

Bagaimana mencegah gaming disorder?

Orang tua berperanan untuk mengawasi anak dalam bermain permainan video mahupun digital, baik dari segi waktu maupun *content* permainan. Jadi, awda perlu mengingatkan anak jika sudah terlalu lama bermain dan ingatkan juga melakukan aktiviti yang lain yang perlu dilakukan olehnya. Lakukan aktiviti yang lebih bermanfaat untuk menyibukkan diri sehingga fikiran dapat teralihkan dari permainan. Selain itu, jelaskan kepada anak mengenai kesan buruk bermain permainan video terlalu lama.

Kesimpulan

Permainan video jika tidak dikawal akan memudarakan si pemainnya. Remaja perlu bertindak bijak agar permainan video tidak dapat mempengaruhi serta menguasai mereka. Remaja yang cemerlang dalam pelajaran, bijak berkomunikasi dan bersosial serta sihat tubuh badan dapat berkhidmat untuk pembangunan negara.





RAMALLAH (Palestine), 22 Okt. - Sebanyak lima agensi di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menggesa dunia melipatgandakan usaha untuk membantu Gaza berikutan krisis kemanusiaan yang membenggu wilayah itu.

Kenyataan itu dikeluarkan oleh

DUNIA PERLU LIPAT GANDA USAHA UNTUK BANTU GAZA - AGENSI PBB

Program Pembangunan PBB (UNDP), UN Population Fund (UNFPA), Tabung Kanak-Kanak PBB (UNICEF), Program Makanan Sedunia (WFP) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), lapor Agensi Berita Palestin (WAFA).

Konvoi kemanusiaan memasuki Gaza pada Sabtu melalui sempadan Rafah - kali pertama sejak serangan Israel di wilayah itu bermula dua minggu lalu.

Sebanyak 20 trak membawa barang bantuan kemanusiaan dari PBB dan Bulan Sabit Merah Mesir, termasuk makanan dalam tin, pasta, air minuman dan bekalan perubatan. Beratus-ratus lagi trak masih berada di sempadan.

Menurut agensi berkenaan penghantaran pertama meskipun terhad namun serba sedikit dapat meringankan penderitaan, terutama wanita dan kanak-kanak yang

terputus bekalan air, makanan, ubat, bahan api dan keperluan lain.

Agenzi PBB itu menggesa gencatan senjata dan akses kemanusiaan tanpa had di seluruh Gaza bagi membolehkan petugas menyampaikan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

"Aliran bantuan kemanusiaan harus berskala besar dan berterusan. Kami menyeru petugas kemanusiaan di Gaza dilindungi dan semua pihak menghormati undang-undang kemanusiaan antarabangsa," kata agensi itu. - ©BERNAMA

Pusat pembelajaran baharu pemangkin industri spa halal Thailand

PATTANI (Thailand), 22 Okt. - Thailand telah menubuhkan pusat pembelajaran baharu bagi menyediakan latihan serta garis panduan perniagaan kepada ahli terapi dan usahawan spa halal bagi mematuhi standard halal.

Terletak di Kampus Pattani Prince of Songkhla University (PSU), pusat itu menawarkan latihan membabitkan semua aspek rawatan, termasuk penggunaan produk dan kelengkapan yang mematuhi standard halal serta penyediaan kemudahan yang berasingan mengikut jantina.

Perkembangan penting itu dapat memastikan ahli terapi dan usahawan spa memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk perkhidmatan spa halal.

Pusat itu juga memainkan peranan penting dalam mempromosikan dan membantu menempatkan Thailand sebagai destinasi pelancongan utama perkhidmatan spa halal.

Pensyarah Institut Halal PSU Pattani, Dr. Sufiana Sarisae berkata pasaran spa halal sedang

berkembang pesat yang dipacu oleh peningkatan bilangan pelancong Muslim serta kesedaran terhadap produk dan perkhidmatan halal.

"Thailand terkenal sebagai destinasi spa dan ramai pengusaha berminat untuk mengubah perniagaan kepada spa halal untuk memenuhi peningkatan permintaan masyarakat Muslim Thailand dan pelancong Muslim.

"Dijangka beroperasi sepenuhnya pada Disember, pusat ini merupakan projek perintis bagi pusat pembelajaran spa halal di selatan Thailand dan akan menjalankan penyelidikan serta inovasi mengenai produk dan pembangunan spa halal," katanya kepada Bernama.

Kos pembinaan pusat berkenaan menelan belanja kira-kira sembilan juta baht, termasuk enam juta baht bagi reka bentuk dalaman dan tiga juta baht untuk operasi dan kelengkapan.

Sufiana berkata spa halal itu akan menyediakan kemudahan berasingan untuk pelanggan lelaki dan perempuan. Ahli terapi lelaki hanya untuk pelanggan lelaki dan

sebaliknya.

Selain itu, hanya produk yang mendapat persijilan halal akan digunakan, termasuk barang dan perhiasan serta alunan muzik yang bersesuaian dengan status halal.

"Sebahagian besar bahan mengandungi herba Thailand. Sebagai contoh, Institut Halal menghasilkan produk spa halal yang dipanggil Minyak Urut Langkasuka dan ia juga menawarkan kursus latihan lima hari mengenai cara pembuatan. Semua produk spa mesti mendapat persijilan halal atau berdasarkan sumber halal," katanya.

Global Wellness Institute (GWI), sebuah organisasi penyelidikan utama untuk industri kecergasan, meramalkan industri spa menjana pendapatan sebanyak US\$151 bilion pada 2025.

Sufiana berkata delegasi dari Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melawat Institut Halal dan pusat itu untuk meneroka peluang kerjasama dalam perkhidmatan spa halal dan pelancongan.

menelan belanja kira-kira sembilan juta baht, termasuk enam juta baht bagi reka bentuk dalaman dan tiga juta baht untuk operasi dan kelengkapan.

Sufiana berkata spa halal itu akan menyediakan kemudahan berasingan untuk pelanggan lelaki dan perempuan. Ahli terapi lelaki hanya untuk pelanggan lelaki dan

perniagaan seramai 130 anggota ke Arab Saudi manakala delegasi perniagaan sebanyak 59 anggota ke Qatar, menurut setiausaha kanan presiden bagi hal ehwal ekonomi, Choi Sang Mok.

Delegasi ke Riyadh turut disertai Pengurus Eksekutif Samsung Electronics Lee Jae-yong, Pengurus Eksekutif Hyundai Motor Group Euisun Chung, Pengurus Kumpulan GS Huh Tae-soo dan pemimpin konglomerat lain.

Yoon akan berlepas pulang ke Korea Selatan pada Khamis. - ©BERNAMA

Presiden Korea Selatan mulakan lawatan negara ke Arab Saudi, Qatar

SEOUL, 21 Okt. - Presiden Korea Selatan Yoon Suk Yeol akan memulakan lawatan negara ke Arab Saudi dan Qatar pada Sabtu dengan kerjasama ekonomi menjadi agenda utama, lapor Agensi Berita Yonhap.

Yoon akan melawat Riyad dari Sabtu hingga Selasa dan mengadakan sidang kemuncak dengan Emir Qatar Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani.

Beliau akan menjadi presiden Korea Selatan pertama yang mengadakan lawatan rasmi ke kedua-dua negara berkenaan.

Arab Saudi dan Qatar bersama-sama menyumbang 38 peratus daripada import minyak mentah Korea Selatan dan 21 peratus daripada import gas.

Yoon akan disertai oleh delegasi

perniagaan seramai 130 anggota ke Arab Saudi manakala delegasi perniagaan sebanyak 59 anggota ke Qatar, menurut setiausaha kanan presiden bagi hal ehwal ekonomi, Choi Sang Mok.

Delegasi ke Riyadh turut disertai Pengurus Eksekutif Samsung Electronics Lee Jae-yong, Pengurus Eksekutif Hyundai Motor Group Euisun Chung, Pengurus Kumpulan GS Huh Tae-soo dan pemimpin konglomerat lain.

Yoon akan berlepas pulang ke Korea Selatan pada Khamis. - ©BERNAMA

Reman pengasas syarikat penerbangan dilanjut

KUALA LUMPUR, 21 Okt. - Reman seorang pengasas bersama dan pemegang saham sebuah syarikat penerbangan bergelar 'Datuk' yang ditahan pada 17 Okt lepas dilanjutkan hingga esok.

Bagaimanapun, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata isteri dan anak lelaki ahli perniagaan itu dibebaskan.

Beliau berkata beberapa individu

yang terdiri daripada rakan perniagaan dan pelabur akan dipanggil untuk membantu siasatan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

"Mereka dinasihatkan untuk tampil dan membantu siasatan. Adalah lebih baik jika memberi kerjasama kepada pihak polis untuk mengelakkan sebarang

kesulitan," katanya ketika dihubungi Bernama di sini hari ini.

Sementara itu, Ramli berkata sejak siasatan bermula, pihaknya telah membekukan lebih 15 akaun bank milik individu terbabit berjumlah hampir RM5 juta.

Pada Selasa lepas, Bernama melaporkan polis telah menahan ahli perniagaan berusia 57 tahun itu bersama isteri, 55, dan anaknya, 26, di rumah mereka di Shah Alam, Selangor. - ©BERNAMA

Lebih 1,600 kanak-kanak terbunu di Gaza dalam tempoh dua minggu - DCI Palestin

RAMALLAH (Palestine), 22 Okt. - Sekurang-kurangnya 1,661 kanak-kanak terkorban akibat kekejaman Israel sejak pertempuran terkini meletus pada 7 Okt, menurut kenyataan Defence for Children International - Palestine (DCIP) pada Sabtu.

Dalam tempoh yang sama, seramai 27 kanak-kanak dibunuh tentera Israel di Tebing Barat, lapor Agensi Berita Palestin (WAFA).

DCIP berkata jumlah kematian membabitkan kanak-kanak mungkin meningkat, susulan terdapat 1,400 mangsa masih hilang.

Kanak-kanak Palestin yang terselamat dalam siri pengeboman di seluruh Gaza kini mengalami krisis kemanusiaan yang teruk.

"Menyaksikan kematian kanak-kanak lain memburukkan lagi pengalaman pahit mereka, meninggalkan parut yang amat memilukan dalam jiwa kanak-kanak ini. Apakah lagi, kehilangan anggota keluarga dalam sekilip mata.

"Kanak-kanak yang sebelum ini merasa selamat dan selesa dalam dakapan keluarga kini menjadi yatim piatu," menurut pertubuhan itu. - ©BERNAMA

Putera Mahkota Arab Saudi bantah tindakan paksa penduduk Palestin berpindah

ANKARA, 21 Okt. - Putera Mahkota Arab Mohammed bin Salman pada Jumaat mengulangi bantahan negaranya terhadap pemindahan secara paksa penduduk Palestin di Semenanjung Gaza.

Semasa mengadakan panggilan telefon dengan Perdana Menteri Kanada Justin Trudeau, baginda menggalakkan agar pelbagai usaha dibuat untuk meredakan situasi di Gaza dan memastikan keganasan tidak merebak, lapor Agensi Anadolu (AA).

Baginda turut menggesa kepungan ke atas Gaza di tarik balik bagi membolehkan bantuan perubatan dan bantuan lain dapat disalurkan.

Sementara itu, pejabat Trudeau dalam satu kenyataan berkata kedua-dua pemimpin berkenaan membincangkan situasi di Gaza serta implikasi keselamatan serantau akibat konflik berkenaan.

Kedua-dua pemimpin menyuarakan keimbangan mengenai kesan kemanusiaan dan menekankan kepentingan semua pihak untuk melindungi orang awam serta memastikan akses kemanusiaan ke kawasan terjejas.

Trudeau turut mengulangi sokongan Kanada terhadap penyelesaian dua negara dan hak untuk hidup dengan aman dan selamat. - ©BERNAMA

Menteri Kesihatan Palestin rayu komuniti antarabangsa lindungi Hospital Al Quds

RAMALLAH (Palestine), 21 Okt. - Menteri Kesihatan Palestin Mai Alkaila merayu masyarakat antarabangsa dan semua pertubuhan hak asasi manusia untuk campur tangan dan melindungi Hospital Al Quds di Gaza daripada ancaman serangan Israel.

"Amat penting bagi masyarakat antarabangsa untuk bertindak segera bagi mengelak tragedi yang menimpa Hospital Arab Al Ahli pada Selasa lepas berulang," katanya dalam satu kenyataan, lapor Agensi Berita WAFA.

Beliau berkata Persatuan Bulan Sabit Merah yang mengendalikan Hospital Al Quds telah diberi notis agar mengosongkan hospital itu.

Ketika ini, Hospital Al Quds menampung lebih 400 pesakit dan kira-kira 12,000 penduduk yang kehilangan tempat tinggal berlindung di hospital berkenaan. - ©BERNAMA

38 PESERTA TERIMA SIJIL KURSUS KEJURULATIHAN SUKAN SEPAK TAKRAW

PENGARAH Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim semasa menyampaikan sijil kepada para peserta (kanan dan kanan sekali).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Oktober. - Seramai 38 peserta yang terdiri daripada jurulatih, pengurus-pengurus pasukan Liga Super Sepak Takraw TAIB 2023, ahli-ahli Persatuan Sepak Takraw Brunei (PESTABARU) dan orang-orang persendirian yang berminat telah menyertai Kursus Kejurulatihan Sukan Sepak Takraw 2023.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Sijil-sijil Penyertaan berlangsung petang tadi di Kompleks Sukan Sungai Kebun, di sini.

Hadir bagi menyampaikan sijil-sijil penyertaan kepada para peserta ialah Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim, selaku tetamu kehormat majlis.



Kursus Kejurulatihan Sukan Sepak Takraw 2023 dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama PESTABARU yang antara lain adalah untuk menyumbang dalam Program Jangka Panjang Pembangunan Atlet (LTAD) bagi

persiapan negara ke arah penyertaan sukan-sukan serantau dan antarabangsa dan seterusnya untuk melahirkan jurulatih-jurulatih yang berpotensi untuk melatih atlet yang berbakat dalam sukan sepak takraw.

Pemudah cara bagi kursus ini



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

ialah Jurulatih Kebangsaan Sepak Takraw, Awang Abdul Talib bin Ahmad.

Kursus tersebut merupakan satu program yang diadakan pada

Kejohanan Sepak Takraw Terbuka TAIB 2023 yang membuka tirainya pada 15 Oktober 2023 ia diadakan setiap Ahad sehingga 19 November 2023.

Chaoming bermula langkah kanan di Hangzhou

HANGZHOU, 22 Okt. - Pemain ping pong lelaki negara, Chee Chaoming memulakan perlawanan pertama Sukan Para Asia Hangzhou 2022 dengan langkah kanan selepas menewaskan pencabar dari Filipina Sultan Linadr hari ini.

Pada aksi yang berlangsung di Stadium Taman Sukan Terusan Gongshu, pemain berusia 26 tahun itu mengetepikan Sultan 11-5, 11-7, 9-11, 11-11-8 bagi acara perseorangan lelaki MS9 (kecakatan fizikal) peringkat Kumpulan D.

Chaoming dijadualkan bertemu pemain tuan rumah, Fan Yufei esok.

Dalam pada itu, satu lagi wakil negara, Brady Chin yang berentap dalam acara sama Kumpulan B menerima nasib berbeza apabila kalah kepada pemain China, Zhao Yi Qing 8-11, 9-11, 11-7, 3-11 dan akan bertemu pencabar dari Jepun, Abe Hayuma dalam perlawanan kedua Kumpulan B.

Satu lagi wakil negara yang berentap dalam perseorangan lelaki acara MS11 (kecakatan fizikal), Jennahtul Fahmi Ahmad Jenna turut akur kepada kehebatan lawan, Chen Po Yen 4-11, 5-11, 9-11 dari Taiwan dalam aksi Kumpulan A, seterusnya akan membuat perhitungan dengan pemain Hong Kong, Tsoi Ming Fai esok. - ©BERNAMA

Zii Jia buru gelaran kedua musim ini

KUALA LUMPUR, 22 Okt. - Pemain perseorangan profesional negara Lee Zii Jia selangkah untuk melakar kejuaraan kedua musim ini apabila mara ke final Terbuka Denmark 2023 di Odense, pada Sabtu.

Juara Terbuka Artik yang kini menghuni ranking ke-11 dunia itu melangkah ke pusingan akhir selepas menyingkirkan Lee Cheuk Yi dari Hong Kong 21-15, 21-17 di separuh akhir.

Pemain kelahiran Kedah itu akan membuat perhitungan dengan Weng Hongyang dari China yang mengetepikan rakan senegara Shi Yu Qi 21-14, 21-19 dalam satu lagi saingan separuh akhir.

Mengiringi Zii Jia, gandingan Aaron Chia-Soh Wooi Yik yang terpaksa bermandi peluh sebelum mengecewakan wakil tuan rumah Kim Astrup-Anders Skaarup Rasmussen 16-21, 21-15, 21-15 untuk mara ke final.

Juara dunia 2022 di ranking keempat itu bakal membuat perhitungan dengan wakil Indonesia, Muhammad Shohibul Fikri-Bagus Maulana bagi memburu gelaran juara Terbuka Denmark. - ©BERNAMA

Legenda bola sepak England Sir Bobby Charlton meninggal dunia pada usia 86 tahun

ISTANBUL, 22 Okt. - Sir Bobby Charlton yang dianggap antara pemain bola sepak terhebat Manchester United meninggal dunia pada usia 86 tahun pada Sabtu.

"Sir Bobby adalah wira kepada jutaan peminat, bukan sahaja di Manchester atau United Kingdom malah di seluruh dunia," Agensi Anadolu (AA) memetik kenyataan

Manchester United.

The Red Devils mengenang Charlton sebagai "seorang yang sangat dikagumi kerana semangat kesukanan dan integritinya serta kualiti cemerlangnya sebagai seorang pemain. Sir Bobby akan sentiasa diingati sebagai legenda terulung."

Charlton menjaringkan 249 gol dalam 758 penampilan selama 17

tahun sebagai bintang Manchester United serta pernah menjulang Piala Eropah, memenangi tiga kejohanan liga Inggeris dan Piala FA.

Selain itu, Charlton juga pernah mengetui England memenangi Piala Dunia FIFA 1966 dan menjaringkan 49 gol dalam 106 perlawanan untuk pasukan kebangsaan. - ©BERNAMA

FAM hantar enam pengadil muda berguru di Arab Saudi

KUALA LUMPUR, 21 Okt. - Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) komited meningkatkan mutu pegawai perlawanan tempatan apabila menghantar enam pengadil muda negara berguru di Dammam, Arab Saudi bermula esok hingga 27 Okt ini.

Mereka ialah pengadil Tuan Mohd Yaasin Tuan Mohd Hanafiah, Muhammad Izzul Fikri Kamaruzaman, Mohamad Kamil Zakaria Ismail dan Muhammad Munir Mohd Izam serta penolong pengadil Kesava Raj S Neelamagan dan Mohd Shafiq Ahmad Said.

Inisiatif itu menyaksikan kesemua mereka akan menjalani kursus tambahan Video Bantuan Pengadil (VAR) dan latihan praktikal selari dengan misi Presiden FAM Datuk Hamidin Mohd Amin yang mahukan lebih ramai pengadil menimba ilmu di luar negara.

"Semoga ilmu yang diperoleh di Arab Saudi ini dapat memberi manfaat kepada tugas mereka terutama dalam memartabatkan lagi mutu pengadilan bola sepak negara," katanya dalam hantaran di Facebook FAM hari ini.

Menurut hantaran itu, pemilihan dibuat berdasarkan prestasi dan komitmen yang baik dalam Liga

Malaysia (Liga-M) serta sepanjang latihan VAR di negara ini sekali gus dilihat berpotensi melebarkan sayap ke persada lebih tinggi.

FAM juga memaklumkan Pengerusi Jawatankuasa Pengadil FAM merangkap timbalan presiden badan induk itu Datuk S.Sivasundaram turut menyokong usaha berkenaan dengan menyatakan pihaknya akan terus memastikan lebih ramai pengadil muda diberi latihan dan pendedahan di peringkat

antarabangsa.

Dalam pada itu, FAM berharap lebih ramai dapat mengikut jejak langkah pengadil Muhammad Nazmi Nasaruddin dan dua pembantunya, Mohamad Zairul Khalil Tan dan Mohd Arif Shamil Abd Rasid yang akan bertugas di Piala Asia 2023 di Qatar, Januari depan.

FAM juga ketika ini sedang rancak menjalankan latihan VAR bagi 40 pengadil sebagai persediaan menghadapi Liga M 2024/2025. - ©BERNAMA

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Gelombang Usus Awda

Kementerian Kesehatan
MINISTRY OF HEALTH



ePaper Pelita Brunei



BRUNEI DPMM FC TUMPASKAN GEYLANG INTERNATIONAL FC



ANTARA aksi perlawanan di antara Brunei DPMM FC dan Geylang International FC pada perlawanan Piala Singapura 2023 yang berlangsung di Our Tampines Hub, Singapura.

SINGAPURA, Ahad, 22 Oktober. - Pasukan Brunei DPMM FC menumpaskan Geylang International FC dengan jaringan 4 - 1 pada perlawanan Piala Singapura 2023 yang berlangsung di Our Tampines Hub, Singapura.

Gol tunggal Geylang International FC dijaringkan oleh Iqbal Hussain pada minit ke-9 menerusi sepakan penalti.

Selepas mencetak gol pertama, Geylang International FC terus berusaha gigih untuk membolosi gawang Brunei

Oleh : Marlinawaty Hussian
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Tangkap Layar YouTube Singapore Premier League

DPMM FC, namun berjaya dipintas oleh penjaga gawang pasukan berkenaan, Kristijan Naumovski.

Brunei DPMM FC membalas serangan tersebut dan berjaya menjaringkan gol pertama hasil sepakan Hakeme Yazid pada minit ke-23.

Pada minit ke-38, gawang Geylang International FC sekali lagi digegarkan apabila Farshad Noor menjaringkan gol kedua buat Brunei DPMM FC. Andrey Voronkov menambah jaringan ketiga buat Brunei DPMM FC pada minit ke-43 sekali gus meletakkan Brunei DPMM FC dalam kedudukan selesa pada separuh masa pertama.

Separuh masa kedua perlawanannya menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan untuk mencari penyudah.

Namun, Brunei DPMM FC terus memperkuuhkan serangan dan pada minit ke-68, Hanif Farhan berjaya menghadiahkan gol keempat untuk Brunei DPMM FC.

Brunei DPMM FC berada dalam kedudukan teratas Kumpulan 'A' mengatasi Albirex Niigata FC (S) yang berada di kedudukan kedua. Kumpulan tersebut juga menempatkan Tampines Rovers FC, Geylang International FC dan Young Lions.

Brunei DPMM FC akan bertemu Young Lions pada 4 November 2023 di Stadium Jalan Besar, Singapura.

KUPU SB juara Kejohanan Futsal Jemputan IPT



PENOLONG Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik) dan Pemangku Penolong Naib Canselor (Korporat dan Pentadbiran), UBD, Profesor Madya Pengiran Dr. Mohamad Iskandar bin Pengiran Haji Petra semasa menyampaikan hadiah kepada johan Kategori Staf, iaitu KUPU SB 'B' (kiri). Manakala gambar kanan, antara aksi perlawanan pada Kejohanan Futsal Jemputan Institusi Pengajian Tinggi sempena Pesta Konvo UBD 2023.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Hamzah Mohidin

TUNGKU LINK, Ahad, 22 Oktober. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) 'B' dan KUPU SB 'A' masing-masing muncul johan bagi Kategori Staf dan Kategori Pelajar dalam Kejohanan Futsal Jemputan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sempena Pesta Konvo Universiti Brunei Darussalam (UBD)

2023 yang diadakan di Dewan Kompleks Sukan, UBD, di sini.

Sementara itu, bagi Kategori Staf pula, UBD 'A' menduduki tempat kedua, diikuti dengan UBD 'Vamos' di tempat ketiga.

Bagi Kategori Pelajar kejohanan berkenaan, naib johan disandang oleh UBD 'A', dan Politeknik Brunei 'A' menduduki tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah

kepada pemenang ialah Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik) dan Pemangku Penolong Naib Canselor (Korporat dan Pentadbiran), UBD, Profesor Madya Pengiran Dr. Mohamad Iskandar bin Pengiran Haji Petra.

Kejohanan Futsal Jemputan IPT berkenaan dianjurkan oleh Unit Kegiatan Luar dan Pembangunan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UBD dan disokong oleh Persatuan Mahasiswa/i UBD.

Acara tersebut diadakan bagi memeriahkan lagi Pesta Konvo UBD 2023, di samping memperkuuhkan silaturahim antara pengajar dengan pemain staf dan pelajar IPT yang dijemput.

Selain itu, ia juga dapat mengenali pasti pemain futsal dalam kalangan pelajar dan juga staf bagi mewakili universiti masing-masing ataupun Kementerian Pendidikan bagi pertandingan nasional dan juga antarabangsa.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PERASUAH : IBADAH SEMBAHYANG, DOANYA TIDAK DITERIMA OLEH ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA